

Jilid I  
Bil. 99



Hari Rabu  
11hb Disember, 1991

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 16003]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:

Writ Habeas Corpus - Tangkapan Semula Tal Phoon Phang, Y.B. Tuan R. Karpal  
Singh (Jelutong) [Ruangan 16047]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 34 [Ruangan 16052]

Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38, B. 39, B. 40, B. 41 dan B. 42 [Ruangan 16061]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P. 34 [Ruangan 16052]

Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39 dan P. 40 [Ruangan 16061]

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG PERTAMA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.H.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S, (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.J.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN DIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAPAR ALBAR, A.M.N., S.M.J, (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar),
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHAUD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.S.I (Bakri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok),
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AIIMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULAI BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AIIMAD BIN OMAR, P.P.N. (PagOh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun),
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.I.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZAU BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAH IBRAIUM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merau).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Pelani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISIAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit)-
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TOAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu),
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh),
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan),
- „ TUAN LIM KOT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Tclok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ (GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD, HASSAN-(Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.T, K.St.J, (Limbawang),
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit),
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MENUDIN (Kinabalu),
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Suloog).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S, (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BUN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SJNG NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Seliausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 11hb Disember, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**INSURANS KERETA MOTOR—  
SKIM TIADA SALAH**

**1. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Kewangan menyatakan syarikat-syarikat insurans menyatakan bahawa insurans kereta motor tidak menguntungkan dan bantahan dari orang ramai mengenai cara syarikat-syarikat insurans mengendalikan insurans kereta motor, kini meningkat. Dalam keadaan demikian, adakah Kerajaan akan menimbang semula skim 'tiada salah' ('no fault' scheme), yang mana semua tuntutan yang sah mengenai kerosakan-kerosakan akibat dari sesuatu pelanggaran motor, dibayar tanpa mengambil kira siapa yang bersalah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa bidang insurans kereta motor adalah berkeupayaan untuk beroperasi dengan kukuh dan menguntungkan sekiranya diuruskan dengan cekap dan berkesan.

Dalam hubungan ini, mereka perlu meningkatkan kepakaran dan strategi perniagaan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang wujud dalam perniagaan

itu. Ini lermasuklah usaha ke arah mengawal peratusan komisyen dan perbelanjaan pengurusan ke paras yang berpatutan serta langkah-langkah bagi mengurangkan kes tuntutan yang berkaitan dengan penipuan di dalam insurans motor.

Di samping itu, mereka juga perlu mempelbagaikan lagi aktiviti perniagaan dan tidak terlalu bergantung kepada insurans molor. Nasihat-nasihat sewajarnya telahpun diberikan kepada syarikat-syarikat insurans supaya memberi perhatian serius ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Premium yang tinggi tidak akan menjamin keuntungan kepada syarikat-syarikat insurans tanpa adanya usaha untuk mengurangkan kos pentadbiran khususnya nisbah komisyen dan perbelanjaan pengurusan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, nisbah tuntutan kena dibayar bagi syarikat insurans am dalam tahun 1989 ialah sebanyak 65% manakala kadar komisyen dan perbelanjaan pengurusan ialah sebanyak 43%. Dengan demikian, syarikat-syarikat insurans boleh mencapai keuntungan penanggungan sekiranya mereka dapat mengawal bayaran komisyen dan perbelanjaan pengurusan.

Sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Pengarah Insurans tahun 1990, keputusan penanggungan secara keseluruhannya menunjukkan bahawa 25 buah syarikat insurans mencatatkan keuntungan penanggungan sebanyak 10.5% dalam tahun

1989, manakala 10 syarikat lagi mencatatkan kerugian penanggungungan sebanyak 8.7%. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat insurans am boleh mencapai keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga kepentingan umum dan juga untuk memajukan industri insurans, lindakantindakan sewajarnya sedang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk mewujudkan asas-asas yang kukuh bagi industri itu dan dalam hubungan ini, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses, dengan izin, re-regulating industry insurance bagi memperbetulkan kepincangan-kepincangan yang wujud dalam industri itu. Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan termasuklah:

- (i) mewujudkan garispanduan untuk membanteras penipuan dalam insurans motor yang akan dikeluarkan pada awal tahun hadapan;
- (ii) mengumpulkan data-data mengenai insurans dengan tujuan merangka satu cara baru untuk menentukan kadar premium motor yang lebih baik dan saksama di masa hadapan seimbang dengan pendedahan kepada risiko.

Buat sementara ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu garispanduan mengenai had maksimum loading terlebih dahulu untuk memastikan bahawa loading yang dikenakan adalah berpatutan dan adil. Garispanduan ini akan dikeluarkan pada awal bulan Januari tahun hadapan; dan

- (iii) mewujudkan kriteria-kriteria bagi pendaftaran pengantara-pengantara insurans termasuk ejen, broker dan penyelaras insurans dengan tujuan untuk menggalakkan cara kerja yang berkesan di kalangan mercka.

Di samping itu, Kementerian Kewangan juga meminta kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perusahaan Awam dan Jabatan Polis Diraja Malaysia agar sama-sama meningkatkan usaha ke arah membanteras kegiatan penipuan dalam industri insurans demi kebaikan orang ramai dan sistem kewangan negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua soalan ialah mengenai Skim Tidak Salah. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk melaksanakannya kerana ia dirasakan tidak sesuai.- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai skim itu pernah dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan pada tahun 1983 di bawah Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalan Raya, dengan izin, Road Accident Compensation Committee. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa telah mendapati bahawa Skim Tidak Salah adalah kurang sesuai untuk diperkenalkan di negara ini berasaskan kepada kriteria-kriteria berikut:

- (i) kejayaan skim ini di negar-negara yang melaksanakannya termasuk New Zealand dan Kanada masih diragui;
- (ii) mcnambahkan bebanan kewangan terhadap industri insurans dan orang ramai;
- (iii) Skim Pampasan tidak akan berjaya sepenuhnya jika kos perolehan untuk insurans motor tidak dikawal dengan rapi. Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya kedudukan kewangan syarikat insurans diperkukuhkan agar tidak berlaku kelewatan dalam menyelesaikan tuntutan; dan
- (iv) adalah lebih baik sekiranya dikekalkan dan dipeningkatkan

Skim Salah ataupun Fault Scheme yang sedia ada sebelum melancarkan sebarang skim baru yang belum pasti keberkesannya.

Dengan yang demikian, Kerajaan berpendapat adalah lebih wajar untuk meneruskan skim yang sedia ada sekarang dengan memperbaiki mana-mana kelemahan yang dihadapi oleh skim itu dan tambahan pula skim baru itu belum dipaslikan lagi keberkesannya di negara-negara yang mengamalkannya, malah ia juga didapati akan menambahkan bebanan kewangan kepada orang ramai khususnya para pemegang polisi insurans.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita melihat industri insurans menghadapi banyak masalah, adakah Skim Insurans Islam ataupun Takaful juga menghadapi masalah yang sama? Adakah pihak Kerajaan ingin mengembangkan lagi Skim Insurans Islamnya ataupun Takaful supaya lebih menyeluruh, jika ianya dapat mengatasi masalah-masalah seperti yang disebutkan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, berdasarkan kepada prinsip khairat, sistem-sistem Takaful telah diterima oleh masyarakat dan hingga kini tidak ada tanda-tanda masalah yang serupa dengan apa yang ada dalam industri insurans yang lain dan seperti yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini sudahpun mula berkembang dalam masyarakat Malaysia.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan ke atas laporan yang menyatakan bahawa syarikat-syarikat insurans sudah memaksa pelanggan membeli insurans

sampingan apabila mereka diminta untuk membeli insurans motor ataupun kereta. Adakah ini satu keadaan yang luar biasa dan apakah sambutan daripada bidang insurans selepas penyertaan secara terbuka?

Soalan keduanya ialah bagaimanakah pihak Kerajaan ataupun Pengarah Insurans memastikan tabap profesionalisme yang paling tinggi dalam membangunkan bidang ini, khasnya dari segi memberi khidmat yang memuaskan kepada pelanggan seperti membayar pampasan secara segera? Kalau pelanggan-pelanggan membuat tuntutan, mereka tidak perlu menunggu 2-3 tahun ataupun kes-kes mahkamah yang panjang ataupun penyiasatan oleh adjuster yang rumit dan sebagainya. Bagaimanakah masalah seperti ini ataupun penipuan boleh dihapuskan sama sekali?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan ini saya pernah maklumkan kepada umum bahawa langkah-langkah pihak tertentu untuk mengenakan insuran sampingan selain daripada insurans motor adalah satu perkara yang melampaui peruntukan undang-undang dan cara yang diterima oleh pihak Ketua Pengarah Insurans. Pihak-pihak yang melampaui peruntukan ini, seperti contoh yang diumumkan oleh Ketua Pengarah pada hari semalam, sudah pun ada tindakan yang dalam bentuk Ketua Pengarah sendiri masuk ke Pan Global Insurance Sdn. Bhd. untuk mengambilalih syarikat tersebut. Ketua Pengarah Insurans juga sudahpun mengesan syarikat yang lain dan sedang memerhatikan sama ada mereka mematuhi garis-panduan yang telah dikenakan oleh pihak Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam industri insurans ini, saya ingin menegaskan bahawa kalau di bidang kewangan yang lain kita sudah sampai kepada tahap

sehinggakan kita rela membuat langkah-langkah deregulation dan liberalisation, tetapi dalam industri insurans ini kita seolah-olah agak ketinggalan masa sehinggakan kita perlu re-regulate industri yang berkenaan. Maka re-regulation ini, dengan izin, dibuat sebegitu rupa supaya di peringkat pengurusannya ditingkatkan keupayaan profesionalismenya dengan menggesa syarikat-syarikat berkenaan supaya menyalurkan satu jumlah peratusan yang tertentu daripada pendapatan mereka untuk latihan-latihan yang cukup di kalangan kakitangan mereka.

Di samping itu pula, memaslikannya bahawa mereka yang terlibat di peringkat perantaraan sama ada ejen, adjuster, assessor, tow trucks, dengan izin, ataupun bengkel-bengkel (workshops), kesemuanya perlu juga dikesan dan diamati supaya penipuan tidak berlaku di peringkat perantaraan dalam industri insurans ini. Jadi ini adalah langkah yang dipandang amat serius oleh pihak Kerajaan.

Selain daripada dua contoh—Mercantile Insurance Sdn. Bhd. dan juga PanGlobal Insurance Sdn. Bhd., saya percaya bahawa masyarakat dalam industri insurans dinasihatkan supaya mematuhi garis panduan, arahan-arahan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Insurans supaya kita akhirnya dapat mengejar masa yang telah ketinggalan untuk memastikan industri insurans ini pada tahap yang kita harapkan.

#### **TV4 DAN STESEN TELEVISYEN DI SABAH— PERMOHONAN**

**2. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah TV4 dengan senang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan manakala permohonan Sabah untuk mendapatkan sebuah stesen TV ditolak.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey);** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di sini bahawasanya Kerajaan belum lagi bercadang untuk mewujudkan satu stesen televisyen yang baru atau TV4 oleh kerana Kerajaan menganggap stesen-stesen TV yang ada pada masa ini sudah mencukupi. Olch yang demikian, Kerajaan masih tetap dengan keputusannya tidak meluluskan permohonan untuk mengadakan satu lagi stesen televisyen yang bersaing seperti di Sabah.

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan mempunyai dasar yang khas mengenai penggunaan bahasa di TV dan radio dan sama ada ini dijadikan syarat penghitungan dalam menimbangkan permohonan untuk membuka stesen yang baru?

Keduanya, memandangkan bahawa Kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah mengizinkan semula penggunaan lain dari Bahasa Nasional dalam rangkaian-rangkaian tertentu di radio, iaitu satu perubahan dari dasar sebelumnya, maka adakah akhirnya nanti Kerajaan bercadang bahawa bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Nasional diizinkan menjadi bahasa penghantar dalam channel-channel tertentu TV terutama apabila bertambah banyak channel TV dibuka?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar Kerajaan atau Kementerian Penerangan, Bahasa Malaysia ialah bahasa utama negara di mana selama ini televisyen mengutamakan Bahasa Malaysia selain daripada bahasa Inggeris, bahasa Cina dan juga bahasa Tamil, mahupun dalam program-program tertentu bahasa-bahasa etnik yang ada juga diwujudkan dalam program-program yang sentiasa diadakan. Dalam masa jangka panjang,

sama ada berkemungkinan ataupun tidak berlakunya kemungkinan-kemungkinan untuk menjadikan seiap bahasa etnik di dalam siaran televisyen, itu adalah tertakluk kepada perkembangan pada masa yang akan datang. Jika difikirkan perlu, kita akan pertimbangkan tetapi buat masa ini, Kerajaan berpegang kepada dasar yang telah diletakkan setakat ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah stesen-stesen TV yang ada sekarang—RTM1 RTM2 dan TV3 mencukupi untuk membayangkan kehidupan nasional kita iaitu meliputi aspek-aspek kehidupan di Sarawak dan Sabah, khasnya dari segi memperkenalkan ciri-ciri budaya tempatan seperti yang diamalkan oleh bangsa-bangsa yang begitu ramai di sana, yang begitu menarik dan boleh menyumbangkan kepada kebudayaan negara kita? Adakah ia sesuai? Kalau ianya sesuai, kenapa tidak memberi satu lesen untuk satu stesen TV khas untuk Sabah dan Sarawak sahaja?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan memikirkan sudah mencukupilah siaran TV yang ada sekarang, Kerajaan tidak membenarkan lagi lesen-lesen kepada syarikat-syarikat swasta yang memohon untuk mendapatkan lesen TV selain daripada mempelbagaikan rancangan siaran melalui TV1 dan TV2.

**PKEN/MARA—  
MENYENARAikan ANAK  
SYARIKAT DI BSKL**

**3. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada peranan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri (SEDCs) akan diubahsuai

memandangkan sekarang lebih banyak bumiputera bergiat di dalam bidang perniagaan;

- (b) sama ada agensi-agensi kelolaan Kementrian seperti MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri-negeri berhajat untuk menyenaraikan anak-anak syarikat mereka di Bursa Saham sebagai satu alternatif cara penswastaan dan seterusnya menjualkan sebahagian besar pegangan ekuiti mereka dalam anak-anak syarikat mereka kepada kaum bumiputera melalui tawaran saham awam; dan
- (c) sama ada MARA ataupun lain-lain agensi di bawah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan menubuhkan pusat membeli belah bebas cukai di negeri Perlis yang dikhususkan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputera.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peranan PKEN-PKEN tidak akan diubahsuai hanya dengan terdapatnya lebih ramai bumiputera bergiat di dalam bidang perniagaan. Ini adalah kerana PKEN-PKEN sebagai agensi perusahaan awam ditubuhkan bagi memainkan peranan sebagai jentera pembangunan terutamanya dari segi penyusunan masyarakat. Oleh kerana itu PKEN-PKEN akan terus mengekalkan peranannya sebagai pencetus dan penggerak kepada pengwujudan usahawan-usahawan bumiputera yang mantap. Peranan ini akan dipertingkatkan selaras dengan kehendak Dasar Pembangunan Negara dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. PKEN-PKEN akan bergerak dalam

pelbagai sektor yang difikirkan wajar dengan memberi penekanan yang lebih ke arah pengwujudan satu rangkaian sistem ekonomi bumiputera. Isu ramai bumiputera bergiat di dalam bidang perniagaan tidak semestinya mengurang atau mengubahsuaikan peranan PKEN-PKEN kerana tugas PKEN-PKEN adalah untuk melipatgandakan penyenaan golongan bumiputera di bawah arus pertumbuhan ekonomi yang pesat.

- (b) Agensi-agensi di bawah kelolaan Kementerian telah dan akan terus menyenaraikan anak-anak syarikat mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai satu proses penswastan dan memperkembangkan kegiatan anak-anak syarikat berkenaan. Penjualan sebahagian besar pegangan ekuili kepada bumiputera melalui tawaran saham awam adalah merupakan satu prinsip yang diamalkan sekarang.
- (c) Buat masa ini agensi-agensi di bawah Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat membeli belah bebas cukai di negeri Perlis.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Kadang-kadang terdapat perniagaan-perniagaan yang dilancar atau dibuat oleh pihak SEDC Negeri bercanggah dengan tindakan-tindakan bumiputera ataupun bumiputera-bumiputera yang terlibat dalam perdagangan ataupun perusahaan. Tetapi ada juga dikatakan yang pihak SEDC ini akan menyerah mana-mana perdagangan ataupun perusahaan yang telah berjaya kepada masyarakat bumiputera yang ingin mencebur diri di dalam perdagangan yang tersebut.

Jadi, soalan saya berapa banyakkah syarikat-syarikat ataupun perusahaan yang telah dijalankan oleh pihak SEDC ini diserahkan kepada pihak bumiputera untuk menggalakkan kemajuan pihak bumiputera di dalam perdagangan dan perusahaan.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaimam** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa tindakan atau usaha yang dijalankan oleh PKEN dalam penglibatan dan penyertan mereka di dalam industri tertentu adalah untuk menjadi persaingan kepada pengusaha bumiputera. Kerana apa yang berlaku ialah PKEN mengambilalih atau membaikpulih syarikat-syarikat bumiputera yang tidak berdaya maju dan tidak langsung wujud sebagai penyaing yang boleh menjejaskan.

Mengenai beberapa rancangan yang dikatakan projek ataupun PKEN yang telahpun dibuat dalam rancangan untuk diswastakan dengan penglibatan bumiputera, saya tidak ada maklumat itu. Saya minta notis.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai soalan (a). Tadi Yang Berhormat telah dengan terang menyebut perkara ini dan ini memang merupakan dasar SEDC iaitu peranannya untuk mencetus tetapi masalahnya sekarang dia bukan sahaja mencetus tetapi dia bertanding. Saya beri contoh SEDC menubuhkan syarikat, dia menjadi kontaktor—pemborong. Dia dapat kelas A sebagai contohnya. Jadi, semua sekali projek-projek SEDC akan diberikan kepada syarikat ini. Dalam masa yang sama syarikat ini juga bertanding untuk masuk di dalam tender-tender sektor Kerajaan yang lain. Kita tahu bidang ini adalah bidang di mana bumiputera boleh masuk. Yang kita mahu ialah supaya dia mencetus bidang-bidang baru yang bumiputera tidak boleh masuk.

Ini kenyataan, Yang Berhormat. Pegawai hendak jawab, dia jawablah tetapi kenyataan ini berlaku di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Jadi, saya hendak bertanya, adakah peranan mencetuskan sekarang ini menjadi peranan untuk bertanding. Sebab itu saya minta diubah dasar supaya dia dijadikan peranannya bertanding bukan lagi mencetus. Senang supaya dibuat dan kita tahu bahawa ini dasar baru dia, dia dibenarkan untuk bertanding. Jadi, kita puas hatilah. Jadi soalan saya sekarang sama ada Kerajaan ingin mengubah dasar. Kalau tidak, adakah Kerajaan bercadang lepas dia cetus, dia swastakan. Tetapi tak swasta, sudah untung banyakpun tidak swasta. Kalau diswastakan pun bukan diswastakan kepada ahli-ahli perniagaan biasa tetapi diswastakan dalam bentuk management by-out (MBO). Jadi, pada bila-bila pun kita tidak boleh masuk dan kita tidak boleh bertanding kerana mereka mempunyai duit Kerajaan untuk bertanding, dengan kita.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil kalau dikatakan bahawa PKEN tidak peka kepada peranannya untuk menjadi penggerak dan pencetus kepada industri-industri yang berkenaan.

Berkenaan dengan contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, berkenaan dengan syarikat-syarikat yang dipunyai oleh PKEN, memanglah menjadi satu matlamat—objektif PKEN bila terwujudnya anak syarikatnya mestilah menunjukkan prestasi yang baik. Saya beri contoh di Terengganu umpamanya telah diwujudkan anak syarikat yang cuba membantu kontraktor-kontraktor bumiputera dengan mewujudkan satu konsep payung untuk membantu kontraktor bumiputera mendapatkan bekalan-bekalan dengan memberi kelonggaran kepada kontraktor bumiputera ini iaitu konsep BABENA.

Jadi, ini adalah salah satu di antara contoh yang jelas menunjukkan bahawa SEDC juga berperanan untuk membantu kontraktor bumiputera.

Mengenai apa yang dikatakan bahawa jikalau ini berlaku yang tidak memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, kita sedia maklum di dalam rangkaian ekonomi yang bebas mestilah menunjukkan satu pendekatan yang agresif dan menunjukkan prestasi serta kualiti mutu pengurusan dan kapabiliti yang baik. Saya yakin bahawa pengurusan PKEN akan peka kepada masalah ini dan saya harap kita akan mendapat maklumat yang lanjut berkenaan dengan contoh dan detail yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu untuk kita melihat berkenaan dengan perkara ini.

#### MUZIUM NEGARA—PUNCA KEBAKARAN

**4. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan punca kebakaran Muzium Negara, sama ada disebabkan kecuaiannya kakitangan pentadbiran muzium atau sebab khianat. Apakah langkah-langkah keselamatan sekarang tidak berkesan bagi menjamin kepentingan khazanah negara terpelihara. Sila nyatakan:

- (a) sama ada bahan-bahan dan dokumen sejarah musnah dalam kebakaran ini;
- (b) senarai bahan-bahan dan dokumen sejarah yang musnah; dan
- (c) langkah-langkah keselamatan yang perlu dibuat, setelah rakyat kecewa dengan kegagalan Kerajaan memelihara bahan-bahan dan dokumen sejarah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan masih belum dapat memastikan dan mengesahkan punca-punca kebakaran Muzium Negara pada 17 September 1991 kerana laporan kes ini masih belum dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa.

Langkah-langkah keselamatan memang sedia wujud di dalam bangunan Muzium Negara dan keberkesanannya tidaklah boleh dipertikaikan. Namun demikian, langkah-langkah keselamatan di dalam Muzium Negara akan terus dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa berdasarkan syor dan pandangan daripada pihak Pejabat Pegawai Keselamatan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Bomba, Jabatan Polis, JKR dan pihak-pihak lain yang berkenaan termasuk sistem keselamatan yang digunakan di muzium-muzium terkenal di luar negara.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah membuat siasatan rapi terhadap bahan-bahan yang musnah dalam kebakaran ini. Hasil daripada siasatan tersebut, didapati bahan-bahan artefak koleksi muzium tidak terjejas sama sekali, kecuali sedikit kerosakan yang berpunca daripada semburan air daripada pihak bomba ke dalam setor koleksi Etnologi. Bahan-bahan sejarah yang musnah hanyalah pita-pita rakaman muzik tradisional yang tersimpan di dalam kabin yang musnah dalam kebakaran itu. Senarai lengkap pita-pita rakaman yang musnah tidak dapat dimaklumkan kerana senarai rekodnya turut musnah dalam kebakaran tersebut. Sungguhpun demikian, pita-pita rakaman tersebut mengandungi rakaman lagu-lagu muzik tradisional dan tradisi lisan yang telah dibuat sejak tahun 1960an hingga sekarang.

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan persembahan atau presentation Muzium Negara yang terlalu banyak bersifat pop dan current-tidak ada daps, saya ingin menanyakan, apakah falsafah atau sekurang-kurangnya konsep yang mendasari pembinaan pengumpulan khazanah dan pameran presentation muzium di negara kita.

Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan Muzium Negara yang benar-benar mempunyai sifat muzium yang bermartabat, mempamerkan kecanggihan tradisi dan tamadun yang diwarisi seperti yang lazim terdapat di negara-negara yang bertamadun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berbormat, soalan yang asal ini berkenaan dengan muzium yang terbakar itu. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, ada kena-mengena dengan koleksi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah sangkut macam itu. (*Ketawa*) Dia kata koleksi yang terbakar. Ya, Batang Lumar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak dapat dinafikan bahawa bangunan muzium adalah tempat pengumpul bahan khazanah warisan negara dan di sanalah tempatnya sejarah negara telah terbentuk dan ditunjukkan dan kadang-kadang bangunan muzium itu sama tuanya dengan benda-benda yang disimpan di dalam muzium itu sendiri. Persoalan saya, kebakaran boleh berbangkit daripada beberapa perkara dan ini termasuk pendawaian bangunan muzium itu dan adakah pemeriksaan telah dibuat di tiap-tiap bangunan muzium di seluruh negara atas pendawaian yang telah lapuk dan lama itu?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, dari masa ke semasa memang kita mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun dalam kes ini, tidaklah bermakna langkah-langkah keselamatan tidak diambil. Sebenarnya langkah-langkah keselamatan yang lepas juga telah diadakan di mana Muzium Negara telahpun dilengkapi dengan peralatan pemadam api mudahaloh atau jenis karbon dioksida dan alat pengesan kebakaran yang diluluskan. Ini termasuklah sistem ataupun cara-cara pendawaian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tempat berlakunya kebakaran ini ialah di satu tempat yang saya sebutkan tadi iaitu kabin yang dibuat bagi menempatkan rekod-rekod dan tidaklah terlibat kawasan-kawasan yang ditempatkan artifact bagi muzium tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

## ALAM SEKITAR—KAWALAN PENCEMARAN

**7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah Kementerian mengambil langkah-langkah menentukan supaya alam sekitar dijaga rapi

dalam perkara-perkara tersebut di bawah ini:

- (a) bila kilang-kilang didirikan;
- (b) bila rumah mahal, murah dan kondominium didirikan;
- (c) bila kereta motor mengeluarkan asap berlebihan; dan
- (d) bila hutan belantara diberi kepada pembalok-pembalok.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut terhadap:

- (a) *Kilang-kilang*

Pengilang-pengilang mestilah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Jabatan Alam Sekitar dari segi:

- (i) laporan EIA yang diluluskan jika kilang tersebut adalah satu aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1987.
- (ii) kelulusan tapak; dan
- (iii) kebenaran bertulis bagi alat-alat pembakaran, cerobong dan sistem kawalan pencemaran.

- (b) *Rumah-rumah mahal, murah dan kondominium*

Pemaju mestilah terlebih dahulu mendapatkan juga kelulusan Jabatan Alam Sekitar dari segi:

- (i) laporan EIA yang diluluskan bagi projek-projek perumahan semua jenis yang keluasan tanahnya ialah 50 hektar atau lebih; dan

- (ii) bagi projek perumahan yang kecil dan melebihi 30 unit rumah sahaja, kebenaran bertulis dari Jabatan Alam Sekitar seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 perlu dikehendaki.
- (c) *Kereta motor mengeluarkan asap*

Kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap adalah dikawal dengan penguatkuasaan Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 yang diwartakan di bawah Ordinan Kenderaan Bermotor, 1952. Penguatkuasaan kaedah-kaedah ini dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Raya dengan sokongan daripada pihak Polis dan Jabatan Alam Sekitar.

- (d) *Pembalakan*

Permohonan lesen pembalakan yang seluas 500 hektar atau lebih perlu membuat kajian EIA dan mendapatkan kelulusan laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum menjalankan aktiviti tersebut. Semasa aktiviti pembalakan dijalankan, Jabatan Perhulanan perlu menguatkuasakan juga syarat-syarat tentang alam sekitar termasuk langkah-langkah awalan hakisan tanah dan kelodakan sungai.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya beberapa langkah yang ditetapkan oleh Kerajaan itu patut dikuatkuasakan tetapi sampai setakat ini berapakah cases yang telah dikenalpasti oleh pihak Kementerian untuk menepati

syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan yang mereka telah lalaikan.

Kedua, mengapa EIA report ini tidak diperolehi oleh pihak Kerajaan daripada pembalok-pembalok khususnya di Sabah dan Sarawak? Berapa cases telah wujud, telah didakwa dan telah dibawa ke mahkamah?

Adakah benar bahawa laporan EIA itu adalah satu public document? Kalau benar, mengapa apabila saya memohon untuk mendapatkan satu naskhah laporan EIA, tidak dapat? Mengapa?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Nampaknya ada tiga soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Kita jawab semua, ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia ada bersangkutan dengan kedua-duanya, tidak apalah,

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Mengenai soalan pertama, angka bagi kes-kes Yang Berhormat minta tentang tindakan penguatkuasaan memang ada tetapi buat masa sekarang saya tidak ada angka-angka tersebut. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa ramai pengusaha-pengusaha kilang di dalam negara kita telah dihadapkan ke mahkamah atau dikompaunkan apabila mereka melanggar peraturan-peraturan yang kita telah tetapkan.

Kedua, mengenai EIA pembalakan di negeri Sarawak dan Sabah, buat masa sekarang ini tidak ada kes yang telah dihadapkan ke mahkamah. Sebenarnya, di seluruh negara buat masa sekarang belum ada kes pembalakan yang telah dihadapkan ke mahkamah tetapi syarat-syarat EIA ini memang dikenakan kepada pihak pemegang lesen pembalakan tersebut.

Di peringkat Sarawak pula, maklumbalas yang kita dapat daripada Pengarah Perhutanan ialah semua lesen yang dikeluarkan di Sarawak adalah lesen-lesen yang telah dikeluarkan sebelum Perintah ini dikuatkuasakan. Oleh sebab itu kawasan-kawasan pembalakan itu kita tidak dapat menggunakan EIA kerana lesen itu sudah dikeluarkan sebelum perintah EIA ini dikuatkuasakan iaitu tahun 1984.

Ketiga, dokumen EI ini memang dijadikan satu dokumen umum (public document) dan Yang Berhormat itu bolehlah melihat atau memeriksa dokumen tersebut di Library atau di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar, di Wisma Sime Darby.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tentang pelanggaran syarat oleh syarikat-syarikat tertentu. Kelulusan untuk mendirikan kilang-kilang dan juga rumah serta kondominium ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan. Apakah tindakan pihak Kementerian jika pihak Kerajaan Tempatan sendiri meluluskan pendirian kilang-kilang dan rumah-rumah ini tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar? Adakah perkara ini pernah berlaku?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengenalpasti sama ada pihak Kerajaan Tempatan atau pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan satu-satu projek yang kita sudah menasihatkan tidak boleh diluluskan. Saya tidak ada makluman tentang perkara ini. Tetapi memang ada projek-projek yang diluluskan sebelum laporan EIA itu dihantar ke Jabatan Alam Sekitar. Apabila kita mengenalpasti sesuatu projek, kita menasihatkan pemaju projek itu untuk menghantarkan laporan EIA. Pemaju-pemaju

tersebut dinasihatkan sahaja dan pihak penguatkuasanya ialah Kerajaan Tempatan dan pihak Kerajaan Negeri.

### BAHASA MALAYSIA DI SEKTOR KOMERSIAL— PENGGUNAAN

**8. Tuan Abdul Malek Munip** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan memperluas penggunaan Bahasa Malaysia dalam sektor komersial. Jika ada, apakah rancangan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedang memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua sektor di Malaysia termasuk juga sektor komersial. Usaha-usaha ke arah ini dijalankan secara berperingkat-peringkat supaya pelaksanaannya dapat dicapai dengan sempurna dan lebih berkesan lagi.

Pihak Kerajaan tidak dapat memaksa penggunaan Bahasa Malaysia secara menyeluruh terhadap sektor komersial ini kerana belum ada undang-undang tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, pelbagai rancangan yang telah dan sedang kita jalankan untuk membantu sektor komersial ini memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan-urusan dalam negeri termasuklah mengadakan kemudahan-kemudahan kursus, taklimat, ceramah, perbincangan serta seminar-seminar bahasa untuk pegawai-pegawai dan kakitangan sektor komersial.

Keduanya, kita menyediakan kemudahan khidmat nasihat khususnya dalam Bahasa Malaysia melalui talian penting Dewan Bahasa dan Pustaka melalui surat, telefaks dan teleks serta melayani kunjungan penbadi pelbagai pihak daripada sektor komersial.

Kita juga bekerjasama dengan sektor komersial dengan memberikan perkhidmatan penyemakan bahan terjemahan seperti buletin bulanan, iklan serta borang-borang urusan perniagaan yang digunakan oleh sektor komersial.

Kita juga menerbit serta menyebarkan pelbagai buku rujukan bahasa dan juga daftar istilah pelbagai bidang untuk membantu memperluaskan lagi penggunaan bahasa dalam pelbagai sektor termasuk sektor industri dan teknologi.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah sampai ke peringkat universiti di negara ini telah mencapai matlamatnya pada tahun 1983. Dan kelulusan universiti pada peringkat tahun 1983 dan 1984 dianggap sebagai seorang yang mempunyai pendidikan dalam Bahasa Malaysia. Tetapi, di sektor komersial belum lagi menukarkan medium penggunaan dalam Bahasa Malaysia tetapi masih mengguna 100% bahasa Inggeris.

Jadi, dalam peringkat itu sektor komersial teral, dengan izin, kelulusan daripada universiti tempatan sebagai 'second class qualification'. Dan ini telah mendatangkan macam satu sabotaj kepada sistem pendidikan. Jadi macam mana pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya sendiri baru sedar ada usaha terlibatnya sabotaj atau tidak. Tetapi kita mesti memberitahu di sini untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam bidang sektor komersial atau industri ini, khususnya pada hari ini dengan teknologi maklumat yang berkembang maju dengan cepatnya, kita juga berusaha untuk mengejar pembangunan ini supaya menterjemahkan perkataan atau istilah-istilah yang baru dalam bahasa

Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia. Ini juga memperlambatkan usaha kita dalam memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia khususnya dalam bidang komersial ini. Usaha-usaha yang kita telah jalankan itu boleh dikatakan cukup kuat tapaknya, tetapi yang penting sekali ialah sikap kita untuk terus berusaha menggunakan Bahasa Malaysia seluas mungkin supaya bahasa kita akan mencapai satu tahap yang dapat menguasainya bidang-bidang komersial dan industri.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa Kerajaan tidak memaksa di dalam usaha penggunaan Bahasa Malaysia Tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan boleh memaksa mana-mana badan komersial yang dipunyai oleh Kerajaan menggunakan bahasa ini. Kerana sekarang ini badan-badan komersial seperti Bank Bumiputra, Bank Pertanian, Bank Perindustrian dan lain-lain bank masih lagi menggunakan bahasa Inggeris di dalam perhubungan yang bukan international tetapi intranational. Apakah ini membayangkan bahawa agensi-agensi ini tidak mengikut arahan ataupun ianya membayangkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka belum lagi melengkapkan istilah-istilah komersial di dalam perbendaharaan istilah-istilahnya yang boleh digunakan oleh agensi-agensi komersial Kerajaan mahupun bukan Kerajaan?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya tidak mematuhi arahan-arahan. Sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, dalam usaha kita untuk memperkayakan istilah-istilah khususnya dalam bidang industri dan komersial sekarang, usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang ini telah kita pertingkatkan. Saya pernah menyatakan di sini bahawa kita telah meningkatkan usaha ini dengan

menggunakan komputer dan alat-alat yang boleh mempercepatkan pen-terjemahan khususnya supaya kita dapat bersaing dengan perkembangan istilah-istilah baru terutamanya dalam bidang komersial dengan men-terjemahkan maklumat-maklumat ini.

#### SOVIET UNION—PENDIRIAN KERAJAAN

**9. Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan pendirian Kerajaan terhadap Soviet Union dan negara-negara yang baru mengisytiharkan kemerdekaan dan apakah kesan politik dan ekonomi yang akan didapati hasil dari sikap dan pendirian Kerajaan itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun saya jawab pada 7 dan 26 November yang lepas dan saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Kerajaan terhadap pengisytiharan kemerdekaan baru-baru ini oleh tiga republik iaitu Ukraine, Byelorussia dan Russia dua atau tiga hari kebelakangan ini dan apakah pandangan Kerajaan terhadap pengisytiharan kemerdekaan mereka dari segi keamanan dan ekonomi dunia?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan kita sedang mengikuti perkembangan yang berlaku sehari dua ini di Russia itu sendiri. Kini, keadaan itu masih lagi begitu 'Cluid' lagi dan banyak perkara yang belum dapat dipastikan dengan sahinya. Maka kita akan lihat dahulu akan perkembangan-perkembangan yang terakhir di mana Duta kita di Moscow sentiasa memberi laporan kepada kita. Selepas keadaan

itu lebih jelas dan nyata barulah pihak Kerajaan membuat sesuatu pendirian.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah di antara negara-negara tersebut yang telahpun diktiraf oleh Kerajaan dan adakah di antaranya itu terdapat negara-negara umat Islam? Yang kedua, apakah hubungan yang telah diadakan setakat ini?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Perang Dunia Kedua dahulu, walaupun di antara republik-republik yang telah mengisytiharkan kemerdekaan mereka dan walaupun kita belum mengiktiraf secara rasmi kewujudan mereka sebagai sebuah negara yang bebas, tetapi kita masih lagi mengadakan perhubungan dan membuka pintu untuk kita berunding dan berbincang dan meneruskan perhubungan kita dengan republik-republik yang demikian. Kini kita belum dapati lagi, selain daripada Republik Azerbaijan yang telahpun diiktiraf dan kini menjadi anggota OIC yang ke-46, lain-lain republik Islam belum lagi jelas untuk menuntut kemerdekaan mereka sendiri dan kita akan lihat dan tengok mana yang perlu esok, kita tentu akan memberi pengiktirafan kepada republik-republik yang berkenaan.

#### PERKHIDMATAN NASIONAL— MEWAJIBKAN

**10. Tuan R. Karpal Sing** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan telah menimbang semula pendiriannya untuk tidak mengadakan Perkhidmatan Nasional yang wajib dan sekiranya tidak untuk menyatakan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan

sebelum daripada ini bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Perkhidmatan Nasional yang wajib di negara ini buat masa ini. Pihak Kememciran ini berpendapat bahawa khidmat ketemeraan wajib didapati tidak sesuai diadakan di negara ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana tiada keperluan mendesak untuk pertahanan negara. Pelaksanaannya dalam masa yang tidak sesuai akan hanya menimbulkan banyak implikasi yang kurang baik yang perlu dielakkan.

### AL-ARQAM—TINDAKAN TERHADAP AKTIVITI

**11. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang lebih tegas diambil oleh pihak Kerajaan untuk membendung aktiviti-aktiviti al-Arqam selain mengharamkan aktiviti yang dianjurkan sendiri oleh pertubuhan itu;
- (b) apakah tindakan yang diambil terhadap pihak-pihak tertentu yang menerbitkan artikel-artikel yang dibuat oleh al-Arqam seperti majalah; dan
- (c) tidakkah ada apa-apa tindakan terhadap ketua mereka sekiranya aktiviti-aktiviti yang dijalankan menggugat kestabilan negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun di jawab pada 8 dan 27 November, 1991 semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulanginya sekali lagi.

### INDUSTRI YANG MENGUNAKAN BAHAN RADIOAKTIK

**12. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapa banyakkah industri di Malaysia yang menggunakan bahan radioaktif;
- (b) berapa ramaikah yang bekerja di dalam industri-industri tersebut; dan
- (c) sudahkah industri-industri tersebut mendapat lesen yang sah daripada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) sehingga Oktober 1991 ada 17 bidang industri di mana kesemuanya menggunakan bahan radioaktif;
- (b) bilangan pekerja yang terlibat pada Oktober 1991 adalah 1,592 orang; dan
- (c) semua kilang tersebut telah dilesenkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Di antara 17 bidang yang menggunakan bahan radioaktif ini, nampaknya tidak melanggar apa-apa syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Betul? *(Disampuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan saya ialah apakah langkah-langkah ataupun satu penetapan ataupun satu specification ataupun syarat yang telah disyaratkan oleh Kerajaan bagi

pekerja-pekerja seramai 1,592 orang yang bekerja di dalam industri-industri yang menggunakan bahan radioaktif. Adakah mereka ini diperiksa oleh doktor Kerajaan ataupun diperiksa oleh doktor kilang itu sendiri dan macam mana kita boleh mengetahui sama ada pekerja-pekerja di dalam kilang-kilang ini telah dicemar oleh bahan-bahan radioaktif atau tidak? Macam mana mereka boleh dapat tahu dengan lebih awal bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dapat memastikan bahawa pekerja yang bekerja di dalam industri ini adalah terselamat dan pengguna bahan radioaktif adalah sentiasa berada di dalam keadaan yang selamat dan tidak diexposekan kepada bahan-bahan tersebut dengan menjalankan tiga cara:

- (i) menentukan pemohon lesen mempunyai pengetahuan, kemahiran dan latihan yang secukupnya;
- (ii) menentukan pemohon mempunyai keengkapan kemudahan dan prosedur-prosedur yang diluluskan oleh Lembaga; dan
- (iii) setelah lesen dikeluarkan, bahagian penguatkuasaan akan memastikan bahawa para pelesen mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Lembaga bagi keselamatan.

Untuk menjalankan tugas ini kita memanglah ada pasukan penguatkuasaan di mana rondaan dari masa ke semasa sentiasa dibuat ke kilang-kilang tersebut ataupun lapak-tapak pelesenan tersebut di mana pemeriksaan 'pengejut' ataupun pemeriksaan 'out of order' .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemeriksaan mengejut.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, pemeriksaan mengejut dijalankan

supaya syarat-syarat penggunaan bahan-bahan radioaktif ini akan diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak pemaju.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya hendak tahu sama ada mereka diperiksa oleh doktor Kerajaan atau doktor kilang itu sendiri untuk mengetahui sama ada mereka tercemar atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia faham dah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya. Pegawai-pegawai pemeriksaannya adalah terdiri daripada pekerja Lembaga Pelesenan Atom, bukan doktor.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Kalau dipandang di dalam Dewan ini, soalan environment adalah satu topik yang begitu ghairah dipersoalkan macam persoalan AIDS juga. Jadi, soalan saya di sini ialah kalau kita pandang persoalan environment ini termasuklah kilang-kilang, pembalakan dan apa sahaja yang boleh mencemarkan keadaan udara, termasuklah keadaan ataupun satu-satu perkara yang di luar bidang kuasa Kerajaan Pusat. Jadi, dari segi penguatkuasaan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, adakah undang-undang yang tertentu dirancang atau digubal supaya memberi kuasa yang lebih dan menyeluruh untuk memperalatkan kepada pihak penguatkuasaan untuk membincang, mencadang dan menguatkuasakan kuasa mereka bukan sahaja di peringkat pusat tetapi juga di peringkat negeri yang mana bidang kuasanya terkeluar daripada bidang kuasa pihak Kerajaan Pusat pada masa sekarang, terutamanya di Sarawak dan di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat hendak menjawab? Sebenarnya pertanyaan di sini ialah berkenaan dengan industri yang

menggunakan bahan radioaktif tetapi dia bertanya atas keseluruhannya.

### HOSPITAL BESAR LAU KING HOWE—OPERASI

**13. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) setelah penyelesaian Hospital Baru Sibü, adakah Hospital Lau King Howe akan kekal beroperasi; dan
- (b) kalau tidak, apakah langkah pencegahan yang akan diambil untuk mencegah penyakit epidemik sekiranya berlaku di Bandar Sibü memandangkan kawasan Bandar Sibü merupakan bandar yang terbanyak penghuninya di Sarawak.

**Setiusaha Perlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran)** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hospital Eesar Lau King Howe di Bandar Sibü akan terus digunakan sungguhpun Hospital Baru siap di bina dan mula berfungsi. Hospital lama akan memberi perkhidmatan rawatan pesakit dalam bahagian pesakit tibi dan pesakit-pesakit penyakit jiwa. Di samping itu, hospital ini juga akan memberi perkhidmatan rawatan pesakit luar umum, perkhidmatan pergigian dan perkhidmatan klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak.
- (b) Ingin dijelaskan bahawa Hospital Lau King Howe hanya bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan rawatan. Bagi perkhidmatan pencegahan penyakit pula, satu kumpulan pekerja yang khusus dilatih dalam perkhidmatan kesihatan awam ditugaskan untuk

menjalankan kerja-kerja ini. Oleh itu, aktiviti untuk mengawal wabak-wabak penyakit di Bahagian Sibü adalah dijalankan oleh kakitangan kesihatan awam dari Pejabat-pejabat Kesihatan di Sibü, Mukah dan Kanowit sena dari Perbandaran Sibü dan Majlis-majlis Tempatan di Sibü, Mukah dan Kanowit. Perkhidmatan ini akan terus dijalankan dan tidak akan terjejas dalam proses pengagihan perkhidmatan di amara Hospital Lau King Howe yang lama dan hospital yang baru.

### SEKOLAH MISSION/ SRJK (C/SRJK (T)— MEMBAIKI

**14. Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa kebanyakan 'sekolah mission' dan SRJK (C), SRJK (T) adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan tidak memuaskan baikpun dari segi bangunan, ataupun alat-alat pengajaran:

- (a) adakah rancangan untuk memperbaiki keadaan yang tidak memuaskan ini; dan
- (b) langkah apa telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa kebanyakan sekolah mubaligh atau sekolah-sekolah mission, sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) adalah di dalam keadaan yang kurang memuaskan dari segi kemudahan fizikal. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan merancang

untuk memperbaiki atau menggantikan bangunan-bangunan sekolah ini di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Memandangkan peruntukan adalah terhad, keutamaan hanya akan diberi kepada sekolah-sekolah yang di dalam keadaan mendesak sahaja. Jadi, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri akan mengenalpastikan sekolah-sekolah ini di mana keadaan yang mendesak dan peruntukan akan diagihkan mengikut keutamaan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan peruntukan untuk memperbaiki keadaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelirna iaitu dari tahun 1985 hingga ke tahun 1990. Peruntukan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ialah \$2.2 juta dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) ialah \$7.9 juta. Jadi, sehingga Oktober tahun ini, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan sejumlah \$1.3 juta untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan \$1.7 juta untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini masih terdapat bangunan-bangunan sekolah yang dibina daripada kayu dan dalam keadaan buruk yang boleh menjejaskan keselamatan murid-murid. Adakah Kementerian Yang Berhormat mempunyai senarai bangunan-bangunan kayu ini yang tidak selamat dan apakah rancangan untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada senarai dan jawapan untuk soalan kedua sudah dijawab di sini.

**Tuan Ong Tin Kim:** Soalan tambahan saya ialah peruntukan yang disediakan untuk Sekolah Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah sangat kecil berbanding dengan peruntukan-peruntukan lain. Adakah rancangan-rancangan ataupun cadangan-cadangan dari Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan ataupun melebihi banyak perumukan-peruntukan untuk sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah mission ini.

Yang kedua, saya dapati kebanyakan sekolah mission dan sekolah-sekolah Tamil, kemudahan-kemudahan fizikal seperti kerusi-meja untuk murid-murid sekolah itu sangat buruk terutama sekali di kawasan saya, sekolah Tamil di ladang-ladang itu meja dan kerusi itu bukan sahaja tidak boleh diduduki tetapi telah reput dan kalau hendak sifalkan kedaannya sangatlah susah. Saya hendak tanya, adakah program-program atau rancangan-rancangan yang spesifik untuk menukarkan ataupun menambahkan peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan fizikal untuk sekolah-sekolah ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa peruntukan-peruntukan kita adalah terhad kepada peruntukan yang ada. Dan kalaulah kita dapat meningkatkan lagi peruntukan-peruntukan dari pendapatan-pendapatan negara kita atau Kerajaan kita, mungkin kita akan dapat menambahkan lagi pada tahun yang akan datang. Tetapi yang pentingnya, tadi saya lelah menyebutkan di sini, kalau tempat kawasan Yang Berhormat itu memang terlalu mendesak, bolehlah dikemukakan untuk dimasukkan ke dalam senarai yang telah saya sebutkan—kalau kedaannya memang begitu mendesak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6 dan 15 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).*

### SETIAUSAHA AGUNG PBB— SOKONGAN MALAYSIA

**5. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa PBB akan mengadakan pemilihan bagi melantik Setiausaha Agung baru tidak berapa lama lagi:

- (a) adakah Malaysia bercadang mengemukakan calonnya tersendiri bagi jawatan tersebut, jika ya, siapa dan jika tidak, pihak manakah yang disokong oleh Malaysia; dan
- (b) apakah kriteria yang dikehendaki oleh Malaysia dalam menyatakan sokongan terhadap mana-mana calon.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Malaysia tidak mengemukakan calon untuk bertanding bagi jawatan Setiausaha Agung PBB yang baru untuk menggantikan Encik Javier Perez de Cuellar yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember 1991.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perhimpunan Agung PBB bertindak melantik Setiausaha Agung yang baru setelah menerima syor daripada Majlis Keselamatan mengenai calon-calon yang ia fikirkan layak untuk dipertimbangkan bagi memegang jawatan tersebut. Oleh itu, sokongan negara-negara anggota PBB termasuk Malaysia untuk sesuatu pencalonan itu hanya

boleh dibuat setelah meneliti senarai calon-calon yang dikemukakan oleh Majlis Keselamatan terlebih dahulu.

- (b) Di antara kriteria yang menjadi asas sokongan negara termasuklah:
  - (i) Mempunyai sifat kepimpinan dan daya kerja yang tinggi, serta mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam mengendalikan hal ehwal antarabangsa,
  - (ii) Kesesuaian dan penerimaan baik oleh kesemua negara ahli PBB memandangkan bahawa matlamat dan keberkesanan tugasnya hanya dapat dicapai melalui sokongan padu masyarakat antarabangsa.
  - (iii) Berupaya untuk menjaga kepentingan kesemua negara-negara ahli PBB, terutamanya dalam mengatasi dan memperseimbangkan jurang ekonomi di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun.

Walau bagaimanapun, Malaysia bersedia menimbang untuk menyokong mana-mana calon Afrika yang layak untuk memegang jawatan Setiausaha Agung PBB memandangkan belum lagi ada rakyat Afrika yang pernah memegang jawatan tersebut.

### JET EKSEKUTIF GUIFSTREAM G11 N204C—KEMALANGAN

**6. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kajian telah dibuat mengenai

punca-punca yang menyebabakan kemusnahan Kapal Terbang Jet Eksekutif Grumman Guifstream—2 pada 4hb September, 1991 di sekitar Puncak Gunung Tinatudon, Keningau, Sabah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Penyiasatan mengenai kemalangan Guifstream G11 N204C pada 4 September 1991 masih sedang dijalankan. Dengan demikian punca-punca yang menyebabkan kemalangan hanya dapal diketahui apabila penyiasatan selesai dan laporan disediakan.

#### **RUANG UDARA/PERAIRAN WILAYAH—PENGAWALAN**

**15. Tuan Saidin bin Adam** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengetatkan lagi kawalan laut dan udara Malaysia dari dicerobohi masuk oleh pasukan keselamatan negara jiran;
- (b) adakah Kerajaan boleh memastikan peristiwa helikopter tentera negara jiran yang jatuh di negeri Johor itu tidak akan berulang lagi; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil ke atas peristiwa tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:**

- (a) Negara kita mempunyai ruang udara dan perairan yang luas jika dibandingkan dengan setengah negara-negara jiran. Pengawasannya disepanjang masa memerlukan satu sistem pertahanan yang moden lagi efisien.

Ini boleh membebankan negara dari segi keupayaan kewangan. Dengan itu, pengawalan ruang udara dan perairan wilayah dilaksanakan dengan menggunakan keupayaan, dari aset dan peralatan yang ada pada pasukan keselamatan pada masa ini, dan dengan menumpukan usaha-usaha kepada kawasan-kawasan yang memerlukan perhatian, iaitu mengikut keutamaan tertentu bagi menjaga kepentingan negara.

Walaupun demikian, ini bukanlah bermakna ATM berpuas hati di atas kekurangan keupayaan sekarang. ATM pada masa ini sedang mempertingkatkan keupayaan-keupayaan tertentu bagi menghadapi cabaran-cabaran dimasa hadapan. Walaupun begitu, negara berpegang teguh kepada prinsip penggunaan saluran diplomasi bagi menyelesaikan masalah-masalah pencerobohan.

- (b) Kerajaan tidak dapat memastikan peristiwa pesawat udara negara jiran terhempas jatuh di negeri Johor itu tidak berulang lagi.

Seperti yang kita maklum pesawat udara apabila diterbangkan menghadapi beberapa risiko termasuk kerosakan enjin, kesilapan juruterbang (sungguhpun mereka semuanya terlatih) dan juga cuaca buruk.

- (c) Penyiasatan rasmi yang teliti oleh semua pihak yang berkenaan termasuklah PDRM telah dijalankan. Seterusnya wang ganti rugi dan pampasan bagi mereka telah diberi oleh Kerajaan Singapura.

### HUBUNGAN MALAYSIA- AUSTRALIA

**16. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan perhubungan Kerajaan kita dengan Kerajaan Australia pada masa ini selepas perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan wakil Perdana Menteri Australia mengenai usaha memburukkan imej Malaysia oleh setengah pihak di Australia. Adakah kedudukan ini menjejaskan pertalian ekonomi di antara kita dengan Australia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Soalan ini telahpun dijawab pada 2 Disember 1991 ketika persoalan yang sama dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad di Dewan yang mulia ini.

### REPUBLIK ISLAM DI SOVIET UNION—PENGIKTIRAFAN KEMERDEKAAN

**17. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan ada hasrat untuk mengiktiraf kemerdekaan negara-negara umat Islam yang lelah berusaha mendapatkan kemerdekaan dari Soviet Union seperti mana Kerajaan telah mengiktiraf republik-republik Baltic.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Pada masa ini 6 daripada 12 republik di Soviet Union adalah republik Islam. Keenam-enam republik ini adalah Republik Azerbaijan, Uzbekistan, Tajikstan, Karzastan, Turkmenistan dan Kirzhiztan.

Buat masa ini negara-negara tersebut sedang berunding dengan Kerajaan Pusat Soviet Union untuk mendapatkan autonomi dan mungkin seterusnya kemerdekaan mereka. Oleh yang demikian soal pengiktirafan negara-negara tersebut pada ketika ini tidak

timbul. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia hanya mengiktiraf kemerdekaan republik-republik Baltic selepas mereka selesai merundingkan isu kemerdekaan mereka dengan Kerajaan Pusat Soviet Union.

Ini adalah penting kerana kita tidak mahu campurtangan di dalam hal ehwal dalaman mana-mana negara lain.

### AIDS—PEMINDAHAN DARAH MENGANDUNGI VIRUS

**18. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimana darah yang mengandungi Virus AIDS telah disuntikkan kepada seorang pesakit di Hospital Universiti baru-baru ini; dan
- (b) adakah kejadian ini disebabkan kecuaihan pihak hospital, jikalau ya, adakah tindakan akan diambil ke atas orang yang bertanggungjawab itu dan apakah tindakan akan datang untuk mengelakkan perkara sedcmikian tidak berulang lagi.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun soalan ini dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan, oleh kerana ia melibatkan Hospital Universiti pihak Kementerian Pendidikan akan menjawab soalan ini,

- ia) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang lelah dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan pada 9-12.91 kepada soalan tambahan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, pemindahan darah yang mengandungi Virus AIDS kepada seorang pesakit di Hospital Universiti baru-baru ini berlaku kerana tersilap label.
- (b) Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan yang lebih

ketal telah diambil untuk memastikan kejadian tersebut tidak akan berulang lagi.

#### GURU—KEKURANGAN

**19. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kekurangan guru pada tahun-tahun 1985 hingga 1991; dan
- (b) apakah sebab-sebab sehingga terdapat masalah tersebut dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

#### **Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kekurangan guru pada tahun 1985 hingga tahun 1991 adalah seperti jadual berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan kekurangan guru</i>
1985	14,820
1986	24,968
1987	34,919
1988	30,794
1989	23,363
1990	17,504
1991	15,325

- (b) Kementerian Pendidikan tidak dapat mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih dengan cepat kerana:

- (i) keperluan guru meningkat secara mendadak oleh kerana memenuhi perjawatan guru media, guru pemulihan dan guru pendidikan khas di samping memenuhi keperluan pendidikan mengikut Pekeliling 3/67

Pindaan 82 di mana nisbah kelas guru dari 1:1.43 kepada 1:1.5 pada tahun 1982;

- (ii) proses melatih guru di maktab-maktab perguruan memerlukan masa selama 2 tahun; dan
- (iii) keupayaan dan kemudahan di maktab-maktab perguruan adalah terhad.

Di antara langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang, iaitu daripada 40,000 pengambilan semasa RM5 di tingkatkan kepada 62,900 dalam RM6;
- (ii) melaksanakan program kembar dengan universiti luar dan dalam negeri. Adalah dijangkakan 3,420 guru akan dapat dilatih dalam RM6 melalui program kembar dalam negeri ini;
- (iii) meneruskan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) bagi menambah bilangan guru siswazah untuk menampung keperluan sekolah menengah. Kursus-kursus KPLI ini telah diperluaskan dari 3 jenis kursus kepada 11 jenis kursus;
- (iv) dalam RM6 Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina 5 buah maktab perguruan baru untuk melatih lebih ramai guru-guru; dan

- (v) meneruskan pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih.

### **KAD PENGENALAN DAN SIJIL KELAHIRAN PALSU DI SABAH**

**20. Tuan Lai Lun Tzee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa terdapat banyak kad pengenalan palsu dan siji) peranakan palsu di Sabah. Perkara ini adatah menggugatkan keselamatan negeri Sabah.

- (a) apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat kegiatan tersebut; dan
- (b) berapakah kad pengenalan palsu dan siji peranakan palsu telah dijumpai.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Dari masa ke semasa Kerajaan mengambil tindakan mengesan, menyiasat dan mendakwa mereka yang terlibat dalam kegiatan pemalsuan kad pengenalan atau lain-lain dokumen penting pengenalan diri. Selain dari tindakan itu, mulai tahun ini Kerajaan telah memperkenalkan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) yang sekali gus dapat mengatasi kegiatan pemalsuan tersebut.
- (b) Sejak tahun 1986 hingga November 1991 sebanyak 1,007 keping kad pengenalan palsu telah dijumpai di Sabah. Sehingga ini belum ada siji kelahiran palsu yang dijumpai di Sabah.

### **PARTI KOMUNIS MALAYA/ PARTI KOMUNIS CHINA— HUBUNGAN**

**21. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan sama ada terdapat hala arah yang baru perjuangan Parti Komunis Malaya selepas perletakan senjata mereka. Adakah Barisan Bersatu atau Pergerakan Subversif PKM, turut dimusnahkan atau menunjukkan keiktirafan yang berselindung dengan perletakan senjata ini juga bermaksud tamatnya hubungan parti ke parti dengan Parti Komunis Cina.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sejak termeterinya perjanjian Perletakan Senjata antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2-12-1989 itu, tiada tanda-tanda dan bukti-bukti yang menunjukkan ada wujudnya arah haluan baru PKM dalam meneruskan kegiatan bersenjata di negara ini.

Pihak Kerajaan juga telah berjaya melumpuhkan kekuatan kesemua organisasi dan infrastruktur bawahlanah dan anasir-anasir Barisan Bersatu PKM,

Menyentuh hubungan antara PKM dengan Parti Komunis China (RRC) setakat ini menunjukkan bahawa Parti Komunis China tidak lagi berminat untuk meneruskan hubungan dengan PKM.

### **PUSAT KEBUDAYAANKAUM CINA—PROJEK**

**22. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) projek Pusat Kebudayaan Kaum Cina Malaysia anjuran MCA dan sebabpendiriannya;
- (b) ciri-ciri dan unsur-unsur Dasar Kebudayaan Negara dan sama ada ia dipersetujui oleh semua pihak; dan
- (c) menyatakan jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kementerian sebelum dan selepas Oktober 1990 untuk pertunjukan kebudayaan kaum Cina dan kaum Tamil.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:**

- (a) Sepeni yang pernah dijelaskan, pihak yang menganjurkan projek ini telah diminta supaya mengkajinya semula dalam perasaan muhibah dan berlandaskan kepentingan negara. Sehingga kini kajian semula tersebut masih belum dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.
- (b) Semangat Dasar Kebudayaan Kebangsaan telahpun diterima oleh semua pihak di negara ini sebagai satu kaedah untuk memperkukuhkan perpaduan negara dan imegrasi nasional dan ini merupakan unsur penting dalam memastikan kestabilan pembangunan terus berkekalan di negara ini.
- (c) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak pernah menggubal dasar memberi peruntukan eksklusif kepada mana-mana kaum di negara ini. Walau bagaimanapun, peruntukan ada dibuat untuk tujuan pembangunan kebudayaan di Malaysia yang sejajar dengan hasrat Kerajaan ke arah pembangunan kebudayaan yang bersifat "ethnic-neutral".

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN  
MESYUARAT 18**

**WRIT HABEAS CORPUS—  
TANGKAPAN SEMULA  
TAI PHOON PHANG**

**3.34ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, terlebih dahulu daripada saya membacakan usul saya, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 15(6) yang

mengenai 'direct personal pecuniary interest'.

Tuan Speaker, pada masa ini saya tidak ada direct personal pecuniary Interest, tetapi dalam masa dua kali yang saya buat permohonan writ habeas corpus yang terlibat dalam usul ini, saya harap boleh jadi dalam permohonan keliga, boleh jadi saya ada pecuniary interest. Saya mahu mengisytiharkan perkara ini terlebih dahulu daripada saya membacakan usul saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Tuan Speaker, saya bangun untuk meminta izin bagi menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu melibatkan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dalam persidangan Dewan pada hari ini dengan perkara tangkap semula (rearrest), dengan izin, pada 6hb Disember tahun ini di luar Pusat Pemulihan Akhlak Muar bagi kali kedua untuk Tai Phoon Phang selepas dua kejayaan dalam permohonan writ habeas corpus. Usul saya, Tuan Speaker, adalah seperti berikut:

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Karpal Singh, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Jelutong, untuk mengusulkan penangguhan Dewan bagi tujuan untuk membincangkan suatu perkara tertentu untuk kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) iaitu tangkap semula (rearrest) pada 6hb Disember tahun ini di luar Pusat Pemulihan Akhtak Muar untuk kali kedua bagi Tai Phoon Phang, selepas dua kejayaan permohonan writ habeas corpus."

Tuan Speaker, bahawa ini adalah suatu perkara tertentu melibatkan kepentingan orang ramai atas alasan-alasan berikut:

- (1) Tai Phoon Phang, 51, dibebaskan menurut suatu kejayaan dalam

permohonan untuk writ habeas corpus yang dibenarkan oleh Yang Arif Tuan Hakim Edgar Joseph Jr. di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 18 Mac tahun ini. Walau bagaimanapun, beliau dengan segeranya ditangkap semula selepas penyampaian perintah tahanan ke atas pihak-pihak kuasa yang berkenaan di luar Pusat Pemulihan Akhlak, Muar di mana beliau pada awalnya ditahan untuk tempoh dua tahun mengikut perintah tahanan di bawah tangan Dato' Megat Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Selepas tangkapan semula, beliau ditahan di Balai Polis Muar dan selepas itu ditahan semula di Pusat Pemulihan Akhlak Muar untuk tempoh dua tahun menurut perintah tahanan di bawah tangan Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri.

- (2) Tai Phoon Phang dibebaskan sekali lagi menurut kejayaan kali kedua dalam permohonannya untuk writ habeas corpus yang dibenarkan kali ini oleh Tuan Pesuruhjaya Kehakiman, Tuan Chew Kim Poh pada 4hb Disember tahun ini di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Tai sekali lagi ditangkap semula di luar Pusat Pemulihan Akhlak Muar pada 6hb Disember, 1991 selepas penyampaian perintah tahanan ke atas pihak-pihak kuasa yang berkenaan.
- (3) Tai Phoon Phang kini sekali lagi ditahan di Balai Polis Muar di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang membenarkan penahanan dalam jagaan polis untuk 60 hari sementara menunggu siasatan sebelum perintah tahanan

dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri.

- (4) Tai Phoon Phang mungkin adalah seorang sahaja dalam sejarah undang-undang Malaysia yang ditangkap semula dua kali selepas berjaya dalam dua permohonan yang berturut-turut untuk suatu writ habeas corpus.

Saya sendiri telah ditangkap semula mengikut tahanan saya di bawah Akla Keselamatan Dalam Negeri selepas mendapat suatu kejayaan dalam permohonan habeas corpus pada 9 Mac 1988 dalam Mahkamah Tinggi, Ipoh,

- (5) Malaysia mematuhi kedaulatan undang-undang atau, dengan izin, the rule of law. Pengingkaran yang ketara perintah-perintah mahkamah dalam perkara habeas corpus mengurangkan, atau, dengan izin, detracts dari doctrine perasingan kuasa yang mana kami bertindak.

Di kes Tai Phoon Phang kedudukan dengan secara radikal diburukkan oleh kerana tangkapan semula yang keduanya, yang membawa malu kepada negeri, khususnya apabila keduanya Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar bin Baba ada dalam rekod secara public menyatakan bahawa keputusan-keputusan mahkamah di negeri ini akan dihormati oleh Kerajaan.

- (6) Kedudukan ini lebih jelas atas kenyataan bahawa Hari Hak Asasi Manusia adalah semalam. Negeri ini tidak patut dibawa ke dalam kejahatan dengan ketidakhirauan dan penghinaan perintah-perintah mahkamah di negeri ini. Tingkahlaku Menteri Dalam Negeri dalam keseluruhan tindakan ini adalah

memudaratkan dan tidak dibenarkan oleh Dewan yang mana keseluruhan tindakan ini menggambarkan keseluruhan negara. (*Tepuk*) Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Jelutong pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebemar ladi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) bahawa perkara ini adalah perkara tertentu;
- (b) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) pada pendapat saya, masalah dalam perkara ini sama ada penahanan semula orang yang bersangkutan itu sah atau tidak dari segi undang-undang ataupun sama ada orang yang bersangkutan itu patut atau tidak ditahan semula, bukanlah satu perkara yang perlu disegerakan sehingga melibatkan penangguhan Majlis Mesyuarat ini.

Selain dari itu masalah sama ada penangkapan semula itu sah atau tidak dari segi undang-undang adalah di bawah bidang kuasa mahkamah dan seharusnya perkara itu dibawa ke sana.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kesebelas*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.34 (Jadual)—

Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan, 1992)—

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Bekalan B.34 dan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan untuk dibahas. Saya menjemput Timbalan Menteri menyambungkan jawapannya.

3.45 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung jawapan saya pada hari ini dan sekali gus menjawab soalan-soalan ataupun teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Padang

Terap, Tasek Chenderoh dan Sungai Besi.

Mengenai dengan peruntukan untuk memerang AIDS, Kementerian telahpun memohon dan mungkin akan disediakan satu peruntukan yang besar dan pada masa ini Kementerian sudahpun belanja lebih kurang \$6.34 juta khas untuk memerangi AIDS sahaja dan ini mungkin ditambah lagi.

Mengenai dengan ubat AZT, memang benar ialah satu jenis ubat yang mahal di antara \$1,000 ke \$1,200 sebulan jika digunakan kepada seseorang pesakit dan boleh didapati dari mana-mana doktor yang bertauliah, dan dia tidak dikenakan cukai. Tetapi ubat ini telahpun menunjuk mempunyai kesan-kesan sampingan jika ia digunakan berlarutan.

Mengenai dengan kes Universiti Hospital, sekali lagi saya ingin menjelaskan di sini bahawa seorang pesakit yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, memang telah meninggal dunia pada 11hb November pada pukul 2.55 pagi bukan disebabkan oleh AIDS, tetapi adalah disebabkan oleh *scarcing or depression of the bone marrow* iaitu *mylo dysplastic syndrome* yang telah menyebabkan *bacteria infection of the blood* ataupun *staphylococcus septicemia*.

Jadi, satu ujian ELIASA untuk HIV ataupun anti HIV telahpun menunjukkan keputusan reactive yang lemah iaitu *weakly reactive*, dengan izin. Dan Pejabat Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun menguruskan jenazah beliau sebagai HIV infected, ini adalah satu pendekalan yang telahpun disarankan iaitu pendekatan *universal approach*, dengan izin.

Mengenai dengan kes di Hospital Besar (General Hospital) Ipoh ataupun Hospital Eesar Ipoh, iaitu seorang kanak-kanak lelaki yang meninggal dunia.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Tasek Chenderoh bangun.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Saya minta penjelasan sedikit. Seperti yang saya sebutkan semalam .....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap Yang Berhormat, dia hendak beri jalan atau tidak, belum lagi.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Sila.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain;** Seperti yang saya telah sebutkan semalam, walau bagaimanapun dan apapun sebab yang menyebabkan pada akhirnya Allahyarham yang malang itu meninggal dunia, itu sudah menjadi tidak penting. Yang penting ialah waktu akhir hayatnya, waktu beliau menerima rawatan di Universiti Hospital, beliau telah disalah pindahkan dengan darah yang HIV-infected. Adakah benar darah tersebut HIV-infected dan adakah benar kecuaiian telah berlaku? Yang saya bangkitkan ialah walaupun dia meninggal dunia dengan sebab lain tetapi penderitaan tersebut tidakkah mendapat sedikit bantuan atau memerlukan diberi sedikit pampasan oleh pihak Kerajaan ataupun pihak Hospital Universiti yang terlibat kerana ia sedikit sebanyak telah menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap hospital Kerajaan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan kelmarin bahawa benar platelets iaitu bahan darah yang dimasukkan ke dalam badan aruah tersebut ialah bahan darah yang tercemar dengan HIV, walaupun selepas diselidik didapati beliau tidak meninggal dunia kerana penyakit AIDS. Pihak Universiti Hospital telahpun mengakui tentang.....

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffn:**  
Sikit boleh.

**Tuan Pengerusi:** Sikit sahaja.  
(*Ketawa*)

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Pengerusi, saya pun ada bertanya mengenai hakikat ini di dalam pertanyaan bertulis tetapi tidak dijawab dengan sepenuhnya. Tadi Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh menyebut tentang pampasan kepada pihak waris-waris si mati. Tetapi apa yang saya tanya dahulu apakah tindakan yang diambil oleh hospital ke atas pegawai-pegawai perubatan yang menunjukkan kecuaiannya ini, kerana jikalau tidak diambil tindakan ianya tidak diakui sebagai satu kesilapan yang besar dan kesilapan yang membawa padah kepada pesakit-pesakit.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffm:**  
Tuan Pengerusi, oleh kerana bidang kuasa sebenarnya ialah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, iaitu Universiti Hospital adalah di bawah Kementerian Pendidikan, walaupun kita telah bekerjasama untuk mencari apakah sebab-sebab berlakunya kesilapan tersebut, jadi mengenai dengan pampasan dan juga tindakan, kita telahpun menyerah sepenuhnya kepada Universiti Hospital ataupun Kementerian Pendidikan untuk mengambil tindakan yang seharusnya.

Mengenai dengan kes Hospital Besar di Ipoh, ingin saya nyatakan di sini bahawa kanak-kanak tersebut meninggal dunia oleh kerana beliau telah menerima satu imported blood product, dengan izin, sebelum teknologi mengesan AIDS atau HIV ini dikenali ketika itu, iaitu sebelum tahun 1985. Sebenarnya ia seorang haemophilic ataupun seorang

yang mempunyai disorder of the blood dan beliau meninggal dunia oleh sebab menerima hasil darah yang tercemar tadi.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, dalam kes-kes emergency, hanya darah-darah yang telahpun dibersihkan sahaja digunakan untuk mengelakkan ia menjangkit atau membawa penyakit-penyakit yang boleh berjangkit, seperti penyakit-penyakit kelamin. Setakat ini pihak Kementerian dalam kes-kes tertentu menyaring mengenai dengan penyakit syphilis, Hepatitis B dan HIV untuk menentukan semua darah yang dimasukkan ke dalam badan seseorang yang menerima rawatan pembedahan tidak tercemar daripada HIV, Hepatitis dan syphilis khususnya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Tasek Chenderoh bangun pula. Ya, sikit.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Sudah jadi banyak ini. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Sikit sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi dan kepada Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya dalam kes-kes emergency apabila memerlukan pemindahan darah ataupun tambah darah yang melibatkan direct transfusion, biasanya kalau ada keluarga yang memerlukan darah dengan segera, pihak doktor meminta supaya ada di kalangan keluarga yang sanggup ataupun mampu menderma. Adakah masih berlaku amalan direct transfusion, terus daripada seorang kepada seorang tanpa dapat menilai darah yang hendak didermakan itu infected ataupun tidak. Kalau masih ada, adakah pihak Kerajaan akan memberhentikan amalan ini untuk mengawasi daripada pemindahan darah yang tercemar?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Pengerusi, saya telah diberitahu bahawa setakat ini amalan untuk direct

transfusi dalam kes-kes emergency tidak menggunakan darah yang sedemikian, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi menggunakan darah yang telahpun disaring ataupun telah diheat-treated supaya ia tidak tercemar, melainkan jika ada elective operation ataupun pembedahan yang boleh dipilih, kita mungkin menggalakkan orang menjalankan autologous transfusion, iaitu darahnya sendiri ia derma dan akhirnya digunakan darahnya sendiri selepas juga dibersihkan untuk membasmi berlakunya tercemar darah yang mungkin dimasukkan dalam badan tersebut.

Tuan Pengerusi, untuk menentukan confidence orang ramai terhadap hospital Kerajaan, saya ingin menyatakan bahawa setakat ini pada umumnya sebahagian besar daripada orang ramai masih mempunyai kepercayaan (confidence) kepada hospital-hospital Kerajaan. Rekod telah menunjukkan bahawa masih ramai orang yang memerlukan rawatan datang ke Hospital Besar dan Hospital-hospital Daerah. Setiap hari seseorang doktor di Hospital Besar melihat lebih kurang 100 orang pesakit ataupun lebih. Ini menunjukkan bahawa kepercayaannya walaupun sedikit tercemar tetapi masih mempunyai tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, kita mesti mengucapkan terima kasih dalam keadaan kekurangan doktor, kekurangan jururawat dan kekurangan kakitangan hospital, mereka masih bekerja bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa tahap perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai perlu dipertahankan di tahap yang tinggi,

Tuan Pengerusi, mengenai dengan makanan dan juga mengawasi kebersihan makanan, saya ingin menyatakan di sini melalui program pendidikan kesihatan serta kempen cara hidup yang sihat, Kementerian Kesihatan telahpun dapat meningkatkan kesedaran pengeluar-pengeluar dan

peniaga-peniaga makanan serta orang ramai. Hari ini saya mengaku bahawa kita telah menerima banyak surat daripada orang ramai memberitahu kepada Kementerian tentang beberapa pengeluar makanan dan juga restoran-restoran tertentu yang perlu diberi perhatian daripada kebersihannya. Ini adalah berasaskan kepada tindakan-tindakan Kementerian yang telahpun menjalankan usaha mereka sedaya upaya untuk mempertingkatkan pengawasan kebersihan makanan. Penguatkuasaan juga telahpun dipertingkatkan oleh Kementerian Kesihatan dan Penguasa-penguasa Tempatan sepertimana yang sering kita laporkan melalui akhbar-akhbar tempatan. Satu National Council mengenai dengan Kerajaan Tempatan di mana Kememernian Kesihatan menjadi ahlinya telahpun membuat beberapa keputusan untuk mempertingkatkan lagi pengawasan kebersihan makanan di dalam negara ini. Baru-baru ini, baru dua bulan yang lepas, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan sebuah buku yang dinamakan "Draft Code of Practice for Hawker Food". Ini adalah salah satu daripada usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengawasan makanan. Ini belum dipraktikkan lagi.....

**Dato' Dr Affirudin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Belum habis lagi.

**Duto' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Buku itu dalam bahasa Inggeris. Adakah hawkers boleh baca dalam bahasa Inggeris? (Ketawa)

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Buku ini walaupun dalam bahasa Inggeris adalah untuk peringkat awal tetapi akan diterjemahkan dalam semua

bahasa yang mungkin boleh dibaca oleh hawkers tersebut.

Jadi inilah antara usaha-usaha yang telah kita jalankan. Setakat ini walaupun kita telah menjalankan usaha-usaha sedemikian tetapi masih lagi kita belum puas hati tentang keadaan kebersihan makanan pada umumnya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan cadangan untuk mengubah ataupun menyemak semula Akta Makanan, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa tidak perlu pada kelika ini disemak semula ataupun diubah Akta Makanan tersebut kerana pada keseluruhannya Akta Makanan memberi kuasa untuk membolehkan tindakan diambil ke atas pembuat-pembuat dan juga penjual-penjual makanan. Sungguhpun tindakan pada keseluruhannya ditumpukan kepada pihak pembuat ataupun at source, dengan izin, terdapat juga keperluan kadangkala di mana tindakan perlu dibuat ke atas penjual yang menjual makanan tersebut.

Mengenai dengan kes spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi, iaitu kes Puan Pang Siu Lai, kes ini telahpun disiasat dan masih lagi kita menunggu hasil siasatannya. Sekiranya terdapat kes ini bersabit dengan undang-undang, maka Kementerian Kesihatan melalui MMC dan juga badan-badan yang berkenaan boleh mengambil tindakan mengikut kuasa yang ada pada mereka.

Mengenai dengan Lady Templer's Hospital, Tuan Pengerusi, saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu sebab ceritanya terlalu panjang. Oleh kerana itu, saya hanya ingin menjawab dengan satu ayat sahaja, bahawa pandangan Yang Berhormat telah pun mendapat perhatian Kememerian.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Saya sudah kata "Sekian sahaja."

**Tuan Tan Kok Wai:** "Sekian" sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tak benarkan, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak benarkan Yang Berhormat, Yang Berhormat benarkan atau tidak?

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membenarkan sebelum .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat benarkan atau tidak?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Saya tak benarkan. Saya sudah duduk dan saya kata "sekian".

**Tuan Tak Kok Wai:** Ini tak gemlemanlah! Ini tak gentlemanlah! (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini tak gemlemanlah, sedikit sahaja. Sedikit penjelasan sahaja.

**Tuan Mohamed Parid bin Ariffin:** Kalau Yang Berhormat hendak tahu lebih panjang, kita bersembang di luar.

**Tuan Tan Kok Wai:** Janganlah begitu, ini tak gentleman!

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,663,262,400 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,663,262,400 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$689,416,200 yang disebutkan untuk Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$689,416,200 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41 dan B.42 (Jadual)—**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 (Anggaran Pembangunan, 1992)—**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.35 sehingga B.42 dan P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Pasir Mas.

4.03ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 181, Butiran 020000 Keselamatan.

Tuan Pengerusi, di waktu perbahasan di peringkat Jawatankuasa mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Majlis Keselamatan Negara, saya ada menyebut mengenai dengan perkara keselamatan. Dan pada hari ini sesuai dengan masalah keselamatan yang ada di hadapan kita, dalam perbincangan di peringkat Kememerian Dalam Negeri, saya sekali lagi ingin mengemukakan persoalan bersabit dengan keselamatan negara terutamanya peristiwa perayaan Jihadul Akhbar, iaitu perayaan Memali di negeri Kedah baru-baru ini.

Saya ingin bertanya pihak Kementerian Dalam Negeri sejauh manakah pihak Keselamatan akan mengambil tindakan kepada penganjur-penganjur perayaan Jihadul Akhbar ataupun perayaan Memali baru-baru ini. Saya membangkitkan perkara ini kerana ianya merupakan suatu kes yang amat serius yang telah memberi tiga implikasi; yang pertama perlanggaran Akta Polis; kedua bukan sahaja ianya satu perlanggaran Akta Polis, tetapi juga sikap bagaimana pihak-pihak tertentu tidak menghormati keputusan Majlis Fatwa Agama Islam Kedah; dan ketiga ianya lelah memberi kesan psikologi yang amat mendalam dari segi keselamatan negara.

Sewaktu saya membangkitkan perkara ini tempohari di bawah Program Majlis Keselamatan Negara, walaupun saya tidak disebut namanya, tetapi saya tahu bahawasanya Ahli Parlimen dari Pengkalan Chepa begitu marah sekali dan menunjukan ucapannya kepada saya dengan penuh emosi yang tidak ada sangkut-paut dengan perkara apa yang saya bercakap dengan soal peribadi saya. Tetapi, sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya sama ada pihak Polis akan mengambil tindakan atau tidak dan kenyataan sebelum ini bahawa Polis akan mengambil tindakan. Saya bertanya kali ini, Tuan Pengerusi, jika kita tidak mengambil tindakan bererti undang-undang kita menjadi mockery—undang-undang yang kita buat di Dewan Rakyat ini ditertawakan oleh orang ramai, oleh rakyat sebab suatu perkara yang jelas, ianya telah melanggar undang-undang dan kalau tidak diambil tindakan, perayaan seumpama ini akan berulang lagi pada tahun akan datang,

Akhbar telah memberi liputan yang besar yang cukup menakutkan, malah kalau kita lihat salah satu kenyataan bagaimana PAS tidak menghormati kerana ianya melibatkan salah seorang penduduk di kawasan Parlimen saya. Kenyataan akhbar *Utusan Malaysia* 3 Disember, "Bapa korban Memali kesal

perayaan PAS" yang telah memberi kesan psikologi yang begitu mendalam kepada keluarga anggota Polis yang terlibat dalam peristiwa tersebut, tetapi PAS meneruskan juga program ini. Saya mengatakan dalam perbincangan yang sebelum ini bahawa keputusan yang mereka mengadakan program ini, saya tidak percaya ianya kerana semata-mata di atas keputusan ataupun di atas sikap kononnya mereka ini mati syahid, tetapi tidak lebih daripada publisiti politik tidak ada kena-mengena dengan soal kasih dan cinta mereka kepada Islam kerana saya telah membandingkan bahawasanya PAS; tidak merayakan perayaan yang berkaitan dengan Islam sebesar mereka mengadakan perayaan Jihadul Akhbar ini. Saya berkata, kenapa perayaan Maulidur Rasul tidak dibuat sampai beberapa hari seperti perayaan yang dibuat di Memali, malah kenyataan-kenyataan pemimpin PAS begitu sombong dan angkuh mengenai dengan peristiwa tersebut.

Jadi, soalnya sekarang, suatu pelanggaran undang-undang telah dibuat mengikut Akta Polis. Kalau Kerajaan tidak berupaya hendak bertindak, maka saya mencadangkan kita pinda sahaja Akta Polis, bererti boleh mengadakan perhimpunan dengan tidak melebihi lima orang dan tidak payah ada permit ataupun kebenaran dari Polis. Kalau tidak, ianya menjadi mockery. Apakah mungkin pihak-pihak lain boleh menganjur perayaan yang sama? Saya hendak bertanya Kementerian Dalam Negeri sebagai suatu pertanyaan, sebagai suatu misalan, apakah boleh saya merayakan dan mengadakan perhimpunan di kawasan saya di Pasir Mas dengan secara besar-besaran bersabit dengan perkara yang sama, tetapi mengingati bapa korban Memali akibat daripada perayaan yang dibuat oleh PAS baru-baru ini. Boleh atau tidak? Dan saya tidak payah mengambil permit Polis dan saya boleh buat apa yang saya hendak buat sebagaimana yang PAS buat kerana ini bersabit dengan soal keselamatan dalam negeri, bersabit dengan soal

Keluhuran Undang-undang. Maka, sebab itu mahu tidak mahu dari segi Keluhuran Perlembagaan dan Undang-undang negara, Polis mesti mengambil tindakan. Mereka yang menganjurkan perhimpunan seumpama ini mesti didakwa di bawah Akta Polis, bukan soalpolitik, soalnya kerana undang-undang sudah wujud. Ada waktu dan ketika kita menghukum orang waktu undang-undang belum wujud. Sebagai contohnya di sini, sebagai umpama, bukan saya hendak bangkitkan, sebagaimana perlucutan dua anggota Dewan Negeri di Kelantan. Undang-undang belum wujud, mereka dihukum, waktu itu undang-undang belum wujud. Ini undang-undang sudah wujud, tetapi kita tidak berupaya hendak mengambil tindakan. Ertinya undang-undang kita jadi mockery.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tidak ada faedah kita ada undang-undang. Saya menjangkakan waktu timbulnya pihak PAS hendak mengadakan perayaan seumpama ini, yang boleh mencetuskan perasaan di antara kaum, mungkin boleh jadi kalau perasaan sudah meluap-luap. Tetapi saya nampak pihak DAP pun tidak ada memberi apa-apa reaksi terhadap peristiwa Memali ini. Ini soal undang-undang, saya bercakap soal prinsip, tetapi wakil Pengkalan Chepa sudah barang tentu kalau dia berucap nanti, dia bantai saya pula. Tentu dia bantai saya, ini wakil Pasir Mas bercakap sejak kembali kepada UMNO begini pula, dahulu bercakap hendak tangkap orang, betul! Kalau saya diberi tanggungjawab tidak kira kita menang atas parti apa pun, bila tanggungjawab diberi, undang-undang mesti kita laksanakan. Mungkin orang PAS sendiri kena tangkap lebih dahulu lagi, belum tentu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tumpat bangun, hendak beri jaian?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Masa sudah tidak ada tetapi boleh kalau dia hendak, tidak menjadi hal bagi saya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dahulu semasa Yang Berhormat berada di dalam Semangat 46, Yang Berhormat kata, sekiranya Yang Berhormat dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri sekiranya Parti Angkatan memerintah, maka Yang Berhormat akan tangkap Dato' Seri Dr Mahathir. *(Ketawa)* Apakah alasan-alasan yang konkrit, yang rasional yang membolehkan Yang Berhormat berkata demikian?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Satu soalan yang cukup bijak dan arif. *(Ketawa)* Waktu kita berkempen, saya pernah berkata dalam soal melaksanakan undang-undang, undang-undang tidak kenal siapa, baik Perdana Menteri, baik Menteri-menteri Kabinet, baik Ahli Parlimen Gua Musang. Malah saya juga berkata, kalau saya tahu bukti bahawa sebagaimana tuduhan Ahli Parlimen Gua Musang terlibat dalam BMF. Walaupun saya menyokong dia, saya tangkap Ahli Parlimen Gua Musang termasuk Ahli Parlimen Tumpat ini, bukan setakat tangkap, gantung pun kita boleh *(Ketawa)* kalau sudah tidak betul. Ini saya bercakap soal prinsip. Soal memberi contoh dari segi undang-undang tidak ada siapa yang terkecuali. Kalau saya salah, saya ditangkap sebab itu dahulu ketika saya ditangkap oleh ISA, saya tidak heboh, kecoh sangat. Tangkap, tangkaplah. Saya tahu demi keselamatan negara, saya sudah bertindak, Polis sudah bertindak, okay, tangkap, tidak ada masalah tetapi ada orang bercakap di Dewan Rakyat yang berani, kena ISA menangis macam dari Kota Melaka. *(Ketawa)* Bercakap dalam

Dewan kita hendak pinda ISA, kita hendak.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya boleh beri sebab saya baca dalam suratkhobar, mereka boikot saya. Tidak payah saya beri jalan sebab dia boikot saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya dia, DAP boikot atau tidak saya sekarang ini? Kalau dia tidak boikot saya, saya beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keai):** Yang Berhormat, ini tidak ada lawar-menawar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Oh, tidak ada?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak ada.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak boleh bargain?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau hendak beri, berilah. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak apa, saya beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa bagi Yang Berhormat ini boleh lompat dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Saya harap, jangan mempunyai satu standard prinsip yang diamalkan oleh Yang Berhormat pada orang lain. Prinsip yang diamalkan oleh parti DAP memimpin tidak berbeza.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan buat ucapan. Kalau hendak soal, soal terus. Jangan berhujah panjang.

**Tuan Lini Guan Eng:** Ya, ini saya hendak membuat penjelasan mengenai perkara ini. Dia main-main di sini. Kalau kita dalam politik, kita berjuang untuk kebenaran, bukan seperti Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya sudah beri teguran. Kalau hendak soal, soal terus. Apakah penjelasan yang hendak diminta?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, mengenai perkara yang dia timbulkan tadi. Dia buat satu tuduhan yang liar, yang tidak benar.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya sudah cakap dua kali dan kalau Yang Berhormat cuba hendak berucap, saya rasa ini bukan masanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tanyalah terus.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, jangan campur juga.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ini bukan campur, ini saya kena beri teguran.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini campur. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau campur ini saya rasa tidak usahlah Yang Berhormat berhujah dengan saya di sini. Yang Berhormat Pasir Mas, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila duduk. Jangan berhujah. Yang Berhormat, saya rasa ini sudah cukup. Pasir Mas, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan gunakan standard yang sama ke atas orang lain.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tengok, Tuan Pengerusi, bila dia minta jalan, saya duduk. Dia bercakap saya tidak ganggu. Tengok siapa lebih terror, siapa lebih bijak. Saya lebih bijak, tengok itu, bodoh!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, teruskan. Jangan pergi jauh sangat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya jawab itu, sebab saya hendak beri tahu, dia kata saya buat tuduhan liar. Saya tidak kata dia liar. Kalau dia hendak kata saya liar, thank you very much.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dinasihatkan balik ke tajuk asal.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Dia tanya, kenalah jawab sedikit. (*Ketawa*) Takkan saya hendak diam langsung.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Saya tidak dengar ada sebarang pertanyaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya dengar tadi. Jadi, Tuan Pengerusi, soal prinsip, soal kita berpindah, itu kita boleh bahas. Kita boleh bahas kalau kita sudah tahu benda itu tidak betul, kita hendak ikut maka kita kena kekal di situ juga. Untuk prinsip, itu prinsip apa? Itu bukan prinsip namanya.

Saya hendak jawab dari segi apa yang dia tanya tadi dan kila dalam Dewan ini. kita bercakap dan berbahas. Hendak bantai saya, bantai tetapi peluang saya bantai orang, janganlah melenting.

Sebab itu bila saya maki, saya maki betul, saya bukan maki main-main. Maki saya, Tuan Pengerusi, tidak ada dalam vocabulary. Tidak ada dalam kamus dunia, bila saya maki betul. Sebab itu, kalau kita hendak bercakap, kita berbahas di atas asas ilmu dan saya suka berbahas di atas asas ilmu dan tadi saya bercakap soal keselamatan, Sebab ini soal keselamatan, soal prinsip. Kalau saya dalam Pembangkang pun saya bercakap benda yang sama .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat ada dua minit lagi untuk menggulung.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi pun kedekut sangat time ini. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ini tidak ada injury time, Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya bercakap benda yang sama, walaupun saya berpindah ke UMNO tetapi kalau baca dalam Hansard Dewan Rakyat, banyak saya beri teguran, banyak saya beri kritikan. Saya sedar mungkin ada di kalangan pemimpin-pemimpin mungkin sedikit sebanyak tidak senang hati tetapi ini soal tugas kita sebagai anggota Dewan Rakyat, tetapi soal pandangan kita positif tidak dinilai oleh sikap Pembangkang, asalkan sokong mereka, baru kita ini betul, baru kita ini hero, baru kita ini wira. Menteri Besar Kelantan yang namanya Tok Guru Nik Aziz, pernah menggelar saya kononnya 'singa' waktu bersama dengan mereka. Bila saya keluar, tidak ada 'singa' lagi. Saya tidak mahu diperalatkan oleh PAS selama-lamanya. Ahli Parlimen Gua Musang, dia hendak diperalatkan oleh PAS, itu dia punya hallah. I, no more. (*Ketawa*) So, to speaklah. Speaking sedikit. (*Ketawa*) Sebab orang PAS pun tahu waktu dalam pakatan dahulu pun ada perkara yang saya tidak setuju, awal-awal saya beritahu saya tidak setuju,

sebelum Pilihanraya Umum. Ini Ahli Parlimen Tumpat kena tahu.

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa itu politik kepartian, tidak ada dalam butiran. Tumpat bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Berilah, dia hendak bercakap. Apa salahnya.

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Saya pernah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. apa yang dimaksudkan dengan 'singa' yang digelar kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Dia kata 'singa jadian'. Jadi, Yang Berhormat dari Pasir Mas yang dimaksudkannya itu 'singa jadian'.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Betullah, sebab saya manusia bukan 'singa'. (*Ketawa*) Betullah, saya 'singa jadian'. Jadi, terima kasihlah Tumpat, saya sendiri pun tidak sedar. Betullah itu.

Tuan Pengerusi, saya haraplah terutamanya kepada Ahli Parlimen Pengkalan Chepa, kalau saya baca *Hansard*,—ini akhir saya hendak gulung. Pada 28 November, dia bercakap kononnya sejak masuk UMNO, bodek orang itu, bodek orang ini. Saya, bodek siapa, tidak ada saya bodek siapa pun. Ahli Parlimen Pasir Mas tidak erti bodeklah. Tempeleng orang ada, kalau tidak betul sebab ini soal prinsip kita, dari segi perjuangan itu soal lain. Soal subject yang kita berbincang di depan, kita berbincang mengikut apa yang ada di hadapan kita. Maka sebab itu soal Perayaan Jihadul-akhbar di Kedah ini mesti dihentikan kerana ia boleh memberi implikasi yang tidak baik kepada keselamatan negara pada masa akan datang dan undang-undang kita

jangan jadi undang-undang yang "mockery".

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Bcrhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kok Lanas.

4.18 *ptg.*

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan di bawah Kementerian Dalam Negeri atas beberapa perkara.

Yang pertama ialah berhubung dengan peruntukan Seksyen 27, di bawah Akta Polis yang mana Seksyen inilah yang dipertikaikan sejak akhir-akhir ini iaitu suatu Seksyen yang mengawal semua perhimpunan-perhimpunan sama ada perhimpunan politik yang dianjurkan di negara ini.

Tuan Pengerusi, di bawah peruntukan Seksyen 27, jika sekiranya pihak Polis ingin menguatkuasakan secara tegas peruntukan di bawah Seksyen 27, maka jawabnya tidak ada mana-mana parti politik di dalam negara ini boleh menganjurkan mana-mana perjumpaan kerana peruntukan seksyen 27 mengenakan syarat yang terlalu keras iaitu sebarang perhimpunan yang melebihi daripada 5 orang melainkan perhimpunan-perhimpunan yang dikecualikan di bawah Seksyen berkenaan seperti perhimpunan agama maka semuanya dikenakan Police Permit.

Persoalannya, Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan boleh pada bila-bila masa berselindung di sebalik perayaan-perayaan rasmi Kerajaan untuk lari daripada tindakan di bawah Seksyen 27

dan tindakan tidak boleh diambil ke atas mereka kerana menganjurkan perjumpaan sedemikian, tetapi yang menimbulkan masalah ialah kepada kami, parti-pani Pembangkang.

Sekiranya peruntukan Seksyen 27 ini dipakai secara keras, bermakna sebarang perhimpunan politik, bukan sahaja perhimpunan parti Pembangkang tetapi perhimpunan yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan juga adalah merupakan suatu kesalahan. Tetapi yang menghairankan kita ialah apabila Parti PAS menganjurkan perjumpaan di Kedah untuk mengingati peristiwa, berbagai-bagai pihak membuat teguran dan dakwaan bahawa perjumpaan seperti ini adalah melanggar undang-undang; perjumpaan seperti ini berbau untuk mewujudkan satu suasana yang tidak tenteram di dalam negara ini. Pada hal di sebelah pihak yang lain bulan demi bulan, tahun demi tahun terus menganjurkan perjumpaan tanpa mendapat tentangan daripada mana-mana pihak. Inilah sikap yang saya katakan double standard. Perhimpunan SEMARAK, misalannya, pada saya tidak lebih daripada satu perhimpunan untuk membangkitkan rasa marah rakyat kepada suatu golongan lain yang tidak menyokong Kerajaan dan ini juga adalah merupakan satu perhimpunan yang ditakrifkan melanggar peruntukan Seksyen 27 Akta Polis. Tetapi mengapa perjumpaan-perjumpaan seperti ini, apabila dianjurkan di seluruh negara tidak banyak mendapat publisiti tentang pelanggaran di bawah seksyen 27?

Saya menyeru kepada pihak Polis, kalau sebenarnya berniat untuk melaksanakan supaya Seksyen 27 ini dipakai, maka semua perhimpunan politik yang melebihi 5 orang mestilah dianggap satu perhimpunan yang tidak sah. Kalau kita bersikap double standard .....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Masa terlalu singkat, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat);** Teruskan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih. Kalau kita bersikap double standard, parti Pembangkang menganjurkan perjumpaan dianggap bertentangan dengan undang-undang, melanggar Seksyen 27. Tetapi kalau UMNO menganjurkan perjumpaan, MCA menganjurkan perjumpaan, tidak ada halangan dibuat. Kalau tindakan seperti ini, ianya akan menimbulkan rasa tidak puashati. Saya minta supaya pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya pihak Polis supaya bertindak tanpa mengira bulu, kalau benar-benar hendak memakai Seksyen 27, tidak kira sama ada perjumpaan parti Pembangkang, perjumpaan parti Kerajaan mesti diambil tindakan tegas, Kalau tidak, tidak ada gunanya kita menyatakan bahawa perjumpaan ini bertentangan dengan undang-undang. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sedar kalau kita hendak melaksanakan peruntukan Seksyen 27 secara tegas dan nyata, jawabnya, tidak ada satu perjumpaan politik boleh dianjurkan di negara ini, kalau kita hendak pakai betul-betul peruntukan Seksyen 27. Kerana peruntukan Seksyen 27 terlalu ketat, apatah lagi kita orang-orang politik dengan ugutan peruntukan penalti di bawah seksyen yang berkenaan adalah terlalu menggerunkan.

Sekarang ini Seksyen 27 telah dipinda dengan menggunakan peruntukan penjara mandatori selama dua tahun di atas mana-mana orang yang bersalah. Sudah tentu peruntukan-peruntukan seperti ini tidak membolehkan mana-mana parti politik apatah lagi pemimpin-

pemimpin politik untuk menganjurkan perjumpaan. Oleh yang demikian, kalau kita hendak melaksanakan peruntukan Seksyen 27 bagi mengawasi semua perjumpaan yang bercorak politik di negara ini, maka peruntukan yang sama mestilah dipakai di dalam perhimpunan-perhimpunan parti Kerajaan yang memerintah.

Tuan Pengerusi, saya rasa komen-komen yang diberikan terhadap perhimpunan PAS yang dibuat di Kedah baru-baru ini adalah tidak lebih daripada satu gimmik politik yang pada pandangan saya ialah kerana hendak mencari peluang untuk memancing undi dalam pilihanraya kecil di Jerlun yang kebetulannya ialah calon PAS bertanding. Kerana perjumpaan seperti ini bukan kali pertama dibuat dalam negara ini, telah banyak kali dibuat, tetapi sebelum daripada ini tidak ada suatu tindakan tegas, seolah-olah perjumpaan ini dibiarkan begitu sahaja dan saya percaya kalau Kerajaan ingin bertindak tegas barangkali hampir separuh daripada ahli-ahli dalam Dewan Rakyat ini akan dituduh di bawah Seksyen 27. Tiap-tiap seorang daripada kita termasuk Menteri, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri barangkali pernah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 27. Tetapi mengapa tindakan seperti ini dibiarkan, didiamkan begitu sahaja. Tetapi bila tiba kepada golongan parti Pembangkang, perkara ini dibesar-besarkan.

Saya berseru sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, kalau hendak melaksanakan peruntukan ini, untuk menguatkan peruntukan ini mestilah bertindak tegas, jangan mengira bulu, jangan mengira apabila parti Pembangkang baru hendak bertindak, tetapi kepada pihak Kerajaan juga mesti ada tindakan yang sama dan pihak Polis pun mestilah menunjukkan satu sikap adil. Kalau perjumpaan parti Pembangkang dihalang, peruntukan

yang sama mesti dipakai untuk menghalang sebarang perjumpaan yang dianjurkan oleh parti yang memerintah.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan peruntukan di bawah Akta Dadah Merbahaya. Saya mcnyanjung tinggi sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri dengan melaksanakan sikap tegas menentang habis-habisan gejala masalah penyelewengan dadah di dalam negara ini. Hukuman mati telah diberikan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B akan dikanakan tindakan hukuman mati mandatori. Apa yang saya hendak cadangkan di sini Tuan Pengerusi, ialah pada masa ini di bawah seksyan 39B, mana-mana orang yang didapati memiliki lebih daripada 200 gram ganja atau canabis boleh dijatuhkan hukuman mati—jika dibuktikan bahawa mereka yang memiliki ganja seberat lebih daripada 200 gram, maka mereka ini boleh dijatuhkan hukuman mati jika terbukti kesalahannya.

Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pernah melihat sebanyak mana ganja seberat 200 gram. Ganja seberat 200 gram ini terlalu sedikit, Tuan Pengerusi, terlalu sedikit. Ganja seberat 200 gram juga tidak akan memberi kesan merbahaya yang begitu meluas kepada masyarakat akibat daripada penyalahgunaannya. Oleh yang demikian, oleh kerana jumlah yang terlalu sedikit, adalah terlalu suatu penganiayaan bagi saya, unluk menjauhkan hukuman mati ke atas mana-mana orang yang didapati memiliki 200 gram atau lebih ganja. Yang saya maksudkan di sini ialah ganja, barangkali perkara-perkara lain seperti heroin, morfin ada justifikasinya memiliki lebih daripada 5 gram boleh dijatuhkan hukuman mati. Peruntukan yang mengenakan bahawa 200 gram dijatuhkan hukuman mati adalah terlalu tidak adil dan ianya pada pandangan saya merupakan suatu kezaliman kepada

mereka yang disabit di bawah seksyen ini.

Oleh yang demikian, saya hendak mencadangkan supaya Akta Dadah Merbahaya dipinda supaya di dalam kes pemilikan ganja dinaikkan daripada 200 gram yang ada sekarang kepada pemilikan 500 gram barulah disabitkan di bawah seksyen 39B.

Tuan Pengerusi, saya mengalami banyak kes dan pernah melihat sendiri bagaimana orang yang didapati hanya memiliki 200 gram lebih sahaja ganja tetapi dijatuhkan hukuman mati. Saya tidak menyoalkan sama ada hukuman mati yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Merbahaya ini bertentangan dengan hukum Islam ataupun tidak. Saya tidak berniat untuk menyatakan demikian. Tetapi apa yang saya hendak hujahkan ialah menjatuhkan hukuman mati ke atas orang yang memiliki 200 gram ganja adalah suatu undang-undang yang pada pandangan saya amat zalim, lebih-lebih lagi di dalam beberapa negara di dunia, pemilikan ganja sebenarnya adalah diiktiraf dan dilegalise, dengan izin. Tidak menjadi kesalahan memiliki ganja jika tujuannya ialah untuk kegunaan sendiri. Saya tidak berniat untuk menyatakan bahawa pemilikan ganja dalam jumlah yang besar mungkin boleh mengakibatkan bahaya yang besar kepada masyarakat, tetapi yang saya persoalkan ialah jumlah sebanyak 200 gram ini tidak ada satu justifikasi yang munasabah untuk menjatuhkan hukuman mati.

Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pernah melalui keadaan di mana suatu keadaan yang amat susah didapati dan meletakkan mahkamah di dalam keadaan yang terlalu sukar untuk membuat keputusan. Melihat kepada jumlah ganja yang sedikit, sedangkan hukuman ialah mandatori—hukuman mati di tali gantung. Kita meletakkan satu keadaan yang sukar kepada mahkamah kerana apabila didapati sabit salah maka

hukuman pilihan tidak ada lain melainkan adalah hukuman mati.

Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian khususnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya mengambil tindakan segera dan tegas untuk menaikkan jumlah dalam pemilikan ganja daripada 200 gram kepada 500 gram. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong.

4.32ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Maksud B.35, Butiran 020000 iaitu Keselamatan

Pertama sekali, saya juga mungkin memberi duplikasi kepada kenyataan sahabat saya dari Pasir Mas iaitu mengenai kejadian-kejadian dan perkembangan-perkembangan yang dilakukan oleh sebuah pertubuhan politik bukan pertubuhan agama yang dikenali sebagai persatuan Pani Islam SeMalaya ataupun PAS yang baru-baru ini telah mengadakan satu majlis "Mengenangi Peristiwa Memali", peristiwa yang berlaku pada 19.11.85 dan peristiwa yang telahpun di Kertas Putihkan pada 25.2.1986 telahpun dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini, peristiwa di mana filem yang diambil sewaktu operasi oleh pihak polis telahpun ditunjukkan kepada orang ramai, telahpun ditayangkan kepada pemimpin-pemimpin PAS sendiri yang tidak mahu pada ketika itu untuk mengaitkan diri dengan peristiwa tersebut.

Jadi, saya amat merasa hairan dan amat merasa dukacita dengan tindakan, sebagaimana yang ditegaskan oleh sahabat saya daripada Kok Lanas, apa yang berlaku di Memali baru-baru ini adalah merupakan hanya satu perhimpunan politik bukan satu

perhimpunan agama. Oleh itu, saya mahu bertanya, apakah erti Jihadul Akbar? Kepada orang Islam Jihad yang paling besar adalah jihad menemang nafsu supaya jangan menyelewengkan yang benar kepada yang mungkar, jihad menerima hakikat, jihad jangan memutarbelitkan hakikat untuk kepentingan peribadi, untuk kepentingan politik yang amat sempit yang boleh menjejaskan ketenteraman negara kita. Itu jihad yang paling besar. Kepada saya, bukan jihad untuk mengenang peristiwa di manakala menentang undang-undang negara sebagai satu klimaks kepada apa yang kononnya merupakan satu perjuangan Islam. Itu bukan jihad yang paling besar.

Jadi, dalam konteks ini saya minta dan saya menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri supaya bertegas. Kalau baru-baru ini Ketua Polis Negeri Kedah telah mengeluarkan kenyataan bahawa tiga orang ataupun beberapa pemimpin penganjur "Jihadul Akbar" akan disiasat, siasat seluruhnya, termasuk pemimpin-pemimpin yang tertinggi, yang hadir, yang memberi payung, yang memberi penaungan kepada peristiwa Jihadul Akbar baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, saya amat terharu dan amat terguris hati apabila membaca akhbar ini, dengan izin, "Memali belum selesai." Lepas itu ada ruangan Editorial mengatakan "Memali warisan perjuangan Islam Malaysia." Saya sebagai orang Islam, saya malu kalau mengatakan Memali adalah warisan perjuangan orang-orang Islam. Memali bukan warisan perjuangan orang-orang Islam. Perjuangan orang Islam adalah untuk menegakkan kebenaran, bukan menyelewengkan fakta dan menuju ke arah kemungkar. Perjuangan orang Islam adalah perjuangan ke arah jalan yang lurus yang dituntut oleh Allah s. w. t.

Ini Kertas Putih mengenai Memali. Saya minta Kementerian Dalam Negeri, saya mendesak—supaya menjelaskannya kepada mereka. Juga, ulang layang

kembali filem "Peristiwa Memali". Kalau boleh, sedekahkan atau hadiahkan kepada pemimpin-pemimpin PAS Kertas Putih mengenai Memali ini supaya mereka insaf. Jangan mereka memberi delayed reaction, kesan yang dilewatkan. Setelah dapat memerintah negeri Kelantan baru mengenang, mengadakan Jihadul Akbar. Sebelum memerintah, sebagai pembangkang, tidak berani bersuara. Tidak berani mengaitkan diri langsung walaupun di pintu gerbang tempat yang dijalankan operasi di Memali memang jelas terpampang lambang parti PAS, pada ketika itu.

Saya bercakap, saya rasa dengan penuh authority. Oleh kerana pada waktu kejadian itu saya seorang Setiausaha Politik di Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu meneruskan cetusan-cetusan yang terlalu memilukan hati saya sebagai seorang Islam mengenai perkara Memali ini. Perkara ini harus diberhentikan. Mungkin bukan dengan tindakan undang-undang tetapi mungkin menerusi saluran-saluran lain.

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa tidak usah ganggu saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Oleh kerana Quran sendiri menuntut, apabila kita bertelagah kembali ke jalan yang benar. Maksudnya dituntut kita merujuk kepada Quran. Kalau begitu, mengapakah fatwa Mufti Negeri Kedah tidak diendahkan? Saya diberitahu, Mufti Negeri Kedah adalah orang yang paling learned, orang yang terpelajar

dalam hukum-hukum Islam, Adakah ini bererti PAS menafikan hukum-hukum Islam apabila mereka atau pihak parti itu mengengkar untuk mematuhi fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negeri Kedah mengenai Memali?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya membicarakan mengenai dadah iaitu pencegahan dadah dan seterusnya. Dalam hal ini, saya dapati beberapa agensi. iaitu Kementerian Dalam Negeri sendiri, pihak Polis menerusi Cawangan Anti Dadah, pihak Penjara menerusi Pengelolaan Penagih Dadah dan sebagainya menjalankan aktiviti anti-dadah. Dan peruntukan yang diperuntukkan secara jelas di sini adalah lebih kurang \$24 juta. Dan pihak Polis dari segi pencegahan jenayah sendiri mempunyai dua sub-aktiviti di mana salah satu aktiviti adalah pencegahan dadah.

Dalam konteks ini, saya ingin tahu dari segi mereka yang dipulihkan di Pusat-Pusat Pemulihan Dadah, iaitu sejak proses pemulihan dadah ini dimulakan pada pertengahan tahun 80an, kita banyak mendapat kesan-kesan negatif yang dipoliticisekan oleh pihak pembangkang. Tidak ada pembangkang yang mahu bangun dalam Dewan ini mencadangkan kepada Kerajaan, apa yang harus dilakukan. Mereka cuma scandalize. Apabila ada mereka yang dibawa ke Pusat Pemulihan kemudian lari, mereka minta adakan Royal Commission of Inquiry. ini memang sikap pembangkang.

Di sini saya ingin tahu mengapakah dan berapakah jumlah penagih-penagih dadah yang dipulihkan itu setelah keluar, kembali menagih dadah? Saya bertanya oleh kerana saya mendapat tahu kemungkinan mereka yang dipulihkan itu balik kepada dadah adalah terlalu besar. Dan pada waktu yang sama mengapakah penagih-penagih hanya disimpan selama dua tahun. Adakah ini kerana undang-undang? Saya dapat tahu mungkin undang-undang tidak membolehkan penagih-penagih ini

ditahan lebih daripada 2 tahun. Dan kalau tidak boleh lebih dua tahun, adakah wajar untuk kita meminda undang-undang berkenaan? Tetapi kalau pindaan undang-undang berkenaan supaya orang ini didudukkan lebih lama di dalam pusat-pusat itu pula melibatkan kos yang tinggi, tidakkah boleh kita mencari alternatif-alternatif yang lain mengenai hal ini?

Tuan Pengerusi, kita tahu sebagai-mana yang saya katakan tadi, Kementerian Dalam Negeri sendiri di bawah Butiran 00300 mengenai Rawatan dan Pemulihan Dadah, di bawah Maksud P.35 mendapat \$9 juta, Butiran 030300 mengenai Rawatan/Pemulihan dan Anti Dadah AIDS di bawah Jabatan Penjara menerima \$3.154 juta, dan dengan P.40 Butiran 00500 di bawah Jabatan Penjara menerima \$2.3 juta untuk aktiviti anti dadah.

Ini adalah satu jumlah wang yang besar yang seharusnya tidak dibocorkan kepada satu perkara yang sedemikian rupa dan seharusnya disalurkan ke luar bandar. Tetapi oleh keadaan yang telah diberi kepada kita sebegitu rupa, kita terpaksa mengorbankan berjuta-juta ringgit untuk masalah dadah. Tetapi setelah lebih kurang lima atau enam tahun proses pemulihan ini dijalankan, saya cadangkan supaya dikaji semula kekesan "the effectiveness" sistem kita. 'The cold turkey system treatment' umpamanya harus dikaji. Adakah ia di dapati berkesan untuk memulihkan penagih-penagih dalam tempoh dua tahun umpamanya. Kalau tidak, adakah mungkin cadangan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Polis Negara (IGP) baru-baru ini supaya beberapa forward bases ataupun kem pengkalan hadapan Pasukan Polis Hutan dikaji supaya mungkin dijadikan tempat pemulihan yang mana difikirkan lebih sesuai untuk penagih-penagih dadah.

Tidak mungkihkah penagih-penagih dadah ini tidak payah lagi dilatih apa-apa. Hantar dia masuk ke dalam satu kawasan yang agak terasing, beri dia

cangkul, beri dia parang, beri dia beras, beri dia periuk - this is where you should live - sehingga kamu sedar. Kalau lidak, kita terpaksa belanja \$5.00-\$10.00 sehari unluk diberi kepada mereka ini. And what happened apabila berlaku di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana penagih-penagih dadah mencabar authority penguatkuasa di Kuala Lumpur, di Pasar Lambak, di Pasar Jalan Chow Kit? Saya malu, terlalu malu dengan kejadian ini. Ini bukan bermakna saya memperkecilkan tindakan Kerajaan tetapi saya malu kerana Malaysia mungkin akan melahirkan lebih banyak penagih dadah. Tetapi, apabila seorang Pegawai Tinggi Polis ditanya, dia berkata belum ada satu tempat untuk menyimpan mereka dan Kerajaan terpaksa membuka lebih banyak pusat-pusat pemulihan. Saya cadangkan, kaji cadangan-cadangan pemulihan oleh bomoh-bomoh tradisi dengan pemulihan secara homeopathy dan mungkin juga pemulihan menerusi approach Islam juga harus dieksperimenkan. Umpamanya, kalau Tampin sebagai Pusat Pemulihan yang paling unggul dalam negara ini menggunakan proses 'cold turkey treatment', mungkin di tempat lain pula kita pilih khusus untuk memulihkan penagih menerusi approach Islam yang lebih tersusun, lebih intensif dan satu tempat lagi mungkin kita eksperimenkan menerusi proses homeopathy. Jadi, ketiga-tiga kemini menjadi experimental camp dan kita lihat kesannya. Umpamanya, kita beri tiga tahun atau lima tahun dan kita lihat kesannya. Manakah yang lebih berkesan dan yang paling sesuai untuk masyarakat penagih dadah di negara kita di masa akan datang.

Itulah sahaja pandangan saya mengenai Kementerian Dalam Negeri dan untuk menggulung saya minta Kementerian Dalam Negeri benar-benar bertugas dengan perkembangan yang mencabar undang-undang yang berlaku di Memali dan juga memberi perhatian yang lebih serius dan saya mengucapkan syabas oleh kerana Kementerian Dalam

Negeri, sebagaimana yang di warisi sejak kepimpinan Tan Sri Ghazali Shafie, mengatakan bahawa dadah adalah musuh negara yang paling ulung. Jadi, saya harap ini akan disaingi dengan tindakan yang selaras. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri.

4.45 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 Pencegahan Jenayah, Butiran 040000 Risikan Keselamatan.

Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada pihak Polis, terutama dalam pencegahan jenayah mutakhir ini di mana mereka begitu berjaya terutama sekali dalam mengejar perompak-perompak, penyamun-penyamun di mana setiap kali pertempuran berlaku pihak Polis berjaya menanggapi mereka dan baru-baru ini di tepi Lebuhraya Senai, Johor, beberapa orang perompak telah dibunuh dan kita berharap kecemerlangan pihak Polis dalam menangani soal-soal penganas dan perompak ini dapat ditingkatkan lagi dengan peralatan-peralatan mereka yang serba cukup untuk menghadapi penjenayah yang mempunyai peralatan yang begitu moden sekarang ini.

Seterusnya di bahagian ini juga saya ingin menyentuh tentang pihak Polis dari segi mengawal keamanan negara dan alhamdulillah mereka bertindak mengikut profesion Polis dan mereka bukan bertindak dengan dihasut oleh pihak-pihak yang berkuasa ataupun akhbar-akhbar yang mengapi-apikan keadaan tertentu supaya ia menjadi kacau-bilau. *Jihadulakbar* - saya sebagai Pengarahnya dan saya hadir di dalam perhimpunan itu. Sebelum saya hadir, saya baca suratkhbar - kalau hendak pergi ke Memali itu macam kita hendak rempuh sekatan Polis, hendak kena hadap sekatan yang begitu hebat,

tetapi bila kita pergi ke sana keadaannya tenteram, aman dan damai. Setiap hari saya minum teh, minum kopi dengan pegawai-pegawai Polis yang berpangkat DSP, ASP, Inspektor dan sebagainya. Mereka bergaul mesra dengan masyarakat kampung, masyarakat desa dan Majlis itu berjalan dengan teratur dan baik, walaupun ada akhbar menyatakan mungkin berlaku pertumpahan darah, tetapi ianya berjalan dengan tenang, kerana pihak Polis bertindak mengawal keselamatan dan bila mereka melihat keselamatan tidak terjejas, mereka kawal dengan baik dan bermesra dengan penduduk-penduduk Memali.

Kami yang biasa melalui tahanan, memang pihak Polis menerangkan kepada kami bahawa mereka ada method tertentu dalam menanggapi masalah masyarakat terutama sekali masalah Memali. Sebab itu pendekatan yang pihak Polis ambil, bagi saya, adalah pendekatan yang cukup baik seperti beramah mesra, terutama sekali dengan mangsa-mangsa Memali itu, mereka yang terkorban dan anak-anak mereka itu. Pihak Polis bila berjumpa dengan saya, mereka akan bertanya khabar—apa jadi kepada anak-anak Ibrahim Libya sekarang, makankah, tidakkah, sebab mereka tahu peristiwa dahulu dan mereka tidak mahu berulang lagi dan kita tahu bila pecah jadi team "A" dan team "B", bagaimana peristiwa Memali berkumandang di dalam kempen-kempen termasuk Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Radzi Sheikh Ahmad telah mendedahkan, dan tidak perlulah saya ulang perkara yang sudah berlaku itu.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tasek Chenderoh, bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sedikit, boleh.

**Tuan Haji Hanuah bin Haji Mohd. Zain:** Adakah Yang Berhormat juga bertanya kepada pihak Polis itu, apakah yang terjadi kepada anak-anak empat orang Polis yang juga terkorban?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya juga bertanya, sebab bagi kita itu adalah peristiwa yang menyayat dan kita bertanya hal-hal semua mereka yang terlibat. Sebab itulah untuk keadilan, PAS berkali-kali mendesak supaya perkara ini diselesaikan sekali gus dengan ditubuhkan Jawatankuasa Penyiasat atau Suruhanjaya supaya kita dapat mengetahui siapa yang membunuh. Janganlah akhbar menyiarkan pro-PAS membunuh, orang PAS membunuh dan ada berita yang menyatakan bahawa polis yang terbunuh itu mempunyai kesan peluru M-16. Jadi, berlaku tuduh menuduh selagi penyelesaian muktamad tidak dapat di cari. Bagi kita yang berpegang dengan perjuangan Islam, kita lihat.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Boleh, tetapi sedikit sahaja, sebab saya hanya ada 15 minit.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak bincang cara baik, bincang cara anak-beranak. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Nilam Puri, kita tidak mahu perkara ini berulang lagi dan peristiwa itu sudah berlaku. Tidakkah dari segi ajaran Islam perkara-perkara yang tidak baik berlaku itu kita lupakan supaya kita mengharapkan sesuatu yang lebih baik pada masa yang akan datang. Peristiwa dahulu harus dijadikan pengalaman.

Jadi, soalnya, walaupun Polis baik, tidak ada kacau, cuma timbul suasana menggemparkan, sebagaimana yang

digambarkan. Soalnya, walaupun suasana itu tidak berlaku sebagaimana kata Yang Berhormat dari Nilam Puri, tetapi dengan kita mengadakan Majlis itu maka kita mengingatkan kembali dan dari segi kesan psikologi yang tidak boleh memberi kebaikan kepada masyarakat. Ia tidak boleh memberi kebaikan kepada umat Islam. Ini persoalannya. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, sebab itulah perkara ini saya kata, kalau hendak bincang, mestilah secara adil, kita kena pergi kepada 'root' peristiwa itu - sebab Ibrahim Libya ini ingat dia hendak di tahan di bawah ISA, cuma dia memegang prinsip, kalau hendak tangkap saya di bawah ISA, biar langkah mayat saya. Jadi, dia menentang ISA dan dia membuktikan, katanya "kalau saya di tahan di bawah ISA, lebih baik mati bergalangan tanah daripada hidup bercerminkan bangkai".

Kalau ada orang begini banyak dalam tekad memperjuangkan Islam, ISA itu perlu difikirkan balik. Bukan satu perkara yang senang, boleh tangkap orang di bawah ISA. Macam saya tak apa, polis panggil saya pergi. Saya jenis tak melawan, baik bukan main. Tetapi kalau kena kepada orang yang berpegang kepada prinsip, dia dapati dirinya tak salah hendak ditahan di bawah ISA, dia sanggup melawan. Jadi, perkara ini, Tuan Pengerusi, bagi kami dari segi perjuangan Islam mengingatkan syahid akan diteruskan. Sebab kematian para syuhada ini sejak daripada zaman Nabi Muhammad s.a.w., kematian Saidina Hamzah di dalam Perang Uhud, kematian Saidina Hussain semasa 10 hb Muharram diperingati supaya mengingatkan kematian, dengan itu kita dapat mencari pedoman yang baik untuk hidup di atas dunia ini.

Seterusnya, saya masuk pula kepada isu yang kedua iaitu kes Mary Anne Arokiadas. Tuan Pengerusi, kes ini sekarang makin berkecamuk. Tadi saya

puji polis, sekarang saya persoalkan polis pula. Yang patut dipuji kita puji, yang patut dipersoalkan kita persoalkan. Sekarang ini kes Mary Anne Arokiadas makin diperdebatkan. Baru-baru ini lebih kurang 200 orang penduduk Wilayah Persekutuan telah mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Balai Polis Jalan Bandar meminta pihak Polis menyegerakan siasatan ataupun mendakwa kalau ada berlaku aduan palsu dan sebagainya. Kita mendapat khabar bahawa pihak polis telah menahan jurukamera TV3 di dalam keretanya didapati ada video, video yang dikatakan lakonan Mary Anne. Sekarang kita ingin bertanya, apakah sebenarnya video itu video lucu yang didakwa selama ini? Apakah benar wajah wanita dalam video itu, wajah Mary Anne? Barangkali Pasir Mas tahulah. Kemudian.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Saya tak beri jalan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, on a point of order 36(6).

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order yang seberapa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini dia sebut Mary Anne saya tahu, saya kenalpun hamba Allah ini tidak. (*Ketawa*) Ini jahat betul.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan berhujah, sila duduk. Teruskan Nilam Puri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Tuan Pengerusi, katau betul dia tak kenal, kenapa dia marah? (*Ketawa*) Tuan

Pengerusi, sekarang kita ingin tahu siapa pula pelakon itu. Siapa lelaki itu? Dan kenapa Mary Anne boleh dilacurkan selama lapan tahun sedangkan dia duduk di Balai Polis Selama? Kemudian Mary Anne hilang daripada suaminya. Ini menjadi persoalan. Pihak PERKIM mencarinya tidak juga dijumpai. Kemudian pihak Polis kata dia tak tahu. PERKIM terus cari. Barangkali dia lari ke Pasir Mas, saya pun tak tahu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, jadi.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, on a point or order 36(6). Kalau dia lari ke Pasir Mas tentu saya tahu. Tetapi yang tahunya Nilam Puri, tentu ada di Nilam Puri, Mary Anne itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sabar Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Saya rasa itu tak kena. Jadi, Yang Berhormat Nilam Puri teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tapi saya sudah tanya, tak apalah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Tuan Pengerusi, soalnya ke mana wanita ini disembunyikan. Apakah ada pihak Polis yang terlibat? Dan perkara ini diperdebatkan, maka imej Polis semakin jatuh. Kita harap marah dan imej Polis dipertingkatkan kembali, sebab mereka membuat banyak kejayaan tetapi dirosakkan oleh kes Mary Anne Arokiadas ini. Jadi, oleh kerana perkara ini berkenaan dengan pihak Polis, sudah tentulah barangkali ada cover-up. Oleh itu, kita harap ada Jawatankuasa Penyiasat yang lain untuk menyiasat kes ini, terutama sekali aduan-aduan yang dibuat sekarang ini termasuk daripada

suaminya sendiri iaitu Mohamed Amin bin Abdullah.

Sekarang ini. Tuan Pengerusi, seolah-olah ada private investigator sedang menyiasat di mana Mary Anne. Ada yang mengatakan dia berada di Flats Jalan Pahang, bukan di Pasir Maslah, di Flats Jalan Pahang. Ada yang mengatakan dia berada di Ampang, kawasan Tuan Pengerusi. Ada yang mengatakan dia telah lari ke Singapura. Private investigator ini sudah tentu tidak berlesen.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun lagi.

**Tuan Haji Moltamad bin Sabu:** Pihak Polis boleh bertindak ke atas mereka. Cukuplah.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini penting, dan saya hendak tanya sebab dia sebut Pasir Mas, Pasir Mas, Pasir Mas. Nanti saya balik ke rumah, bergaduh dengan isteri saya!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila duduk, ya. Dia tak beri jalan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak minta jalan, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya satu soalan yang penting, dia terus bercakap soal Mary Anne. Mary Anne dia tak tahu dia duduk di mana.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri jalan. Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi disiplin sedikit Pasir Mas itu. Tuan Pengerusi, jadi kes ini amat mencemarkan pihak Polis jikalau sekiranya tuduhan itu benar. Kalau

tuduhan tidak benar, harap dakwa semua mereka yang menuduh sedemikian rupa, termasuklah tuduhan yang tersibar luas iaitu ada pegawai Polis cuba memurtadkan Mary Anne (Siti Khadijah binti Abdullah) untuk terpisah dengan Mohamed Amin. Bila berlaku murtad, terpisah agama, maka kes itu tidak dapat berjalan kerana Mohamed Amin bukan lagi suaminya. Katau benar tuduhan ini, maka tuduhan ini amat menjijikkan - kalau ianya benar. Sekian, kita harap Kementerian Dalam Negeri menyiasat dengan sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Jelutong.

*4.55ptg.*

**Tuan R, Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan B.35, Butiran 010000, dan saya ingat itu cukup untuk isu-isu yang saya ingin bangkitkan.

Perkara pertama, Tuan Pengerusi, ialah imej Kementerian Dalam Negeri. Baru-baru ini imej itu telah terjejas. Saya cakap begitu oleh kerana pada 1hb April tahun ini, ada dibuat satu statement semasa bulan puasa - 1st April, 1991, dan itu bukan menjadi satu "April fool" statement, tetapi satu kenyataan oleh orang yang duduk di sana iaitu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kenyataan itu dengan umum adalah seperti ini:

"Penagih dadah haruslah diterima sebagai pesakit dan oleh itu haruslah beliau tidak disebat. Kementerian Dalam Negeri (dijelaskan oleh Timbalan Menteri ini pada masa itu), tidak bercadang untuk menyebabkan penagih-penagih dadah."

Tuan Pengerusi, kes Aeron Cohen Shelton, seorang warganegara New Zealand, beliau telah didapati sebagai seorang penagih oleh Yang Arif Mohd. Zaidin di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 1hb September, 1987. Yang

Arif itu mendapati budak ini, yang berumur pada masa itu lebih kurang 22 tahun, sebagai seorang penagih. Oleh itu, suatu tuduhan atas dia, tuduhan di bawah seksyen 39B - pengedaran dadah - diubah .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Setar bangun. Hendak apa, Yang Berhormat?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** On a point of order 35(1). Seseorang apabila berdiri bercakap hendaklah mengarahkan ucapannya kepada Tuan Pengerusi. Ini macam dia nak telan Timbalan Menteri ini!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Jelutong, sila ambil perhatian.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini kaki kacau. (*Ketawa*) Tidak ada masa untuk kaki kacau.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, saya tuju kepada dia oleh kerana bukan sahaja nama dia, tetapi juga nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Kerajaan sudah terjejas. Oleh kerana dalam kes ini dari apa yang saya ketahui, hukuman sebat dijatuhkan atas budak ini yang ada didapati oleh seorang Hakim dalam Mahkamah Tinggi sebagai penagih dan fakta itu ada diconfirmkan oleh Mahkamah Agung, Tuan Pengerusi, jikalau saya tidak silap, pada 1hb Ogos, 1989.

Tuan Pengerusi, selepas kes itu, satu petition - rayuan dibuat kepada Lembaga Pengampunan Pulau Pinang. Petition itu adalah di tolak. Selepas itu berdasarkan kepada kenyataan Timbalan Menteri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman

**(Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar memasuki Dewan)**

Memcri Kehakiman pun masuk sekarang. Masa yang significance, keadilan.

Tuan Pengerusi, di mana keadilan jikalau seorang Timbalan Menteri boleh dengan umum bercakap, penagih-penagih dadah harus diterima sebagai pesakit dan tidak harus disebat.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya ada membuat beberapa rayuan terutama sekali kepada Peguam Negara, selepas itu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, tiada apa-apa hasil pun sampai hari ini. Saya tidak ada jalan lain tetapi merayu kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agong, dan saya telah buat itu, sampai hari inipun saya tidak dapat apa-apa keputusan. Malangnya dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh nasihat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengetepikan hukuman sebat atas budak ini.

Tajuk yang kedua, di atas Butiran yang sama, beberapa kes dan kes-kes ini semua dalam tangan Menteri itu, saya tuju kepada dia. Berapa kes dalam Pulau Pinang dan juga di Mahkamah Tinggi lain dalam negara kita, di mana writ habeas corpus ada dibenarkan oleh kerana kesilapan Timbalan Menteri itu. Tetapi mangsa-mangsa ini diberkas semula pagi tadi.

Tuan Pengerusi, saya ada bangkitkan kes Tai Poon Phang, dengan izin:

"Lightning does not strike the same spot, it did in this case."

Tuan Pengerusi, dua kali orang ini berjaya untuk mendapati dua habeas corpus Mahkamah Tinggi yang sama di Pulau Pinang.

Pertama kali pada 18 Mac tahun ini, tangkap balik. Baru-baru ini pada 6

Disember, tangkap balik. Oleh kerana apa? Tidakkah nama Kerajaan dan nama negara ini, negara kita terjejas oleh kerana tindakan seperti ini oleh Kementerian Dalam Negeri. Kesilapan siapa, siapa punca, di mana writ habeas corpus ini ada dibenarkan oleh bukan satu tetapi ramai Hakim-hakim dalam negara ini.

Dalam kes saya pun pada 9 Mac, 1988, bila saya dapat satu writ habeas corpus daripada Mahkamah Tinggi Ipoh, saya diberkas semula. Itu tidak apa, itu pertama kali, di sini dua kali, dua habeas corpus Kerajaan tidak mahu hormati apa yang telah diputuskan oleh mahkamah dan di atas kesilapan siapa? Kesilapan kawan saya di sana. Tidakkah Kerajaan mampu untuk terima kesilapan jikalau ada kesilapan yang telah diputuskan seperti itu oleh Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Agung sekarang menerima berdasarkan keadilan atas keputusan-keputusan itu.

Tuan Pengerusi, saya beri dua contoh. Siapa salah, orang yang ini yang memberkas di bawah Akta-akta di mana tidak ada peluang untuk perbicaraan dalam mahkamah terbuka atau Menteri ini yang menandatangani. Dan dalam kes ini tidak menandatangani. Sebagai contoh, kes Lee Wing Kim. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang - putusan. Oleh kerana salinan perintah tahanan yang tidak ditandatangani, ada diserahkan atas orang yang ditahan. Oleh itu ikut undang-undang itu sah, siapa salah. Menteri itu salah, Timbalan Menteri itu salah. Tetapi siapa kena berkas, selepas orang itu dapat satu perintah daripada Mahkamah Tinggi. Jikalau ikut keadilan, Menteri itu, Timbalan Menteri itu tentu letak jawatan tetapi dia tidak ada maruah.

Tuan Pengerusi, bukan kes itu sahaja, ikut prinsip itu ada lebih kurang saya ingat 100 kes di mana perintah-perintah yang tidak ada ditandatangani oleh Timbalan Menteri itu. Dan juga ada kes-kes di mana Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri terlibat, dia pun tidak ada tandatangan. Orang inilah orang yang salah. Tangkap seorang tanpa perbicaraan dan tidak ikut undang-undang. Oleh kerana dalam undang-undang ada peruntukan, jikalau mahu tahan seseorang, haruslah perintah yang ada diserahkan, kertas itu tentu ditandatangani. Ini sudah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dan diconfirmkan oleh Mahkamah Agung.

Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja, kes Han Hoon Seng, jangan ketawa, *(Ketawa)*

Apa jadi dalam kes itu, kesalahan siapa? Apa Yang Arif perintahkan bahawa undang-undang adalah ini Yang Arif, seorang Menteri Dalam Negeri boleh mengeluarkan satu perintah di mana seseorang boleh ditahan di Pulau Jerejak, Batu Gajah, Muar atau Simpang Renggam. Tetapi apa yang ada dikhaskan dalam seksyen itu adalah ini, dua tahun daripada perintah itu, tetapi Timbalan Menteri itu tidak ikut seksyen itu. Ini sudah diputuskan oleh Mahkamah Agung. Kes Han Hoon Seng lawan Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, oleh kerana saya tahu, bila saya hendak menjawab soalan ini, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong akan keluar. Tetapi saya nafikan bahawa kes yang Ahli Yang Berhormat sendiri defend, dengan izin, Tai Phoon Phang ini, iaitu kali yang kedua. Tetapi saya tidak mahulah bawa Perkara 35(7), kerana ada kepentingan kewangan. Tetapi itu kita lupakan.

**Tuan R. Karpal Sing:** Tuan Pengerusi, kita tidak mahu buang masa. Pagi ini apabila saya .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat, sabar dahulu. Saya hendak nafikan bahawa kes yang kedua habeas corpus yang kedua, bukan sebab saya tidak tandatangani. Saya nafikan.

**Tuan R. Karpal Sing:** Itu sudah habis, ini sekarang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat kata saya tidak tandatangani.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tai Phoon Phang bukan mengenai tandatangan, itu lain, di atas isu lain. Itu saya sudah habis.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya hendak bercakap mengenai Tai Phoon Phang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tan Hoon Seng. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Banyak sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Banyak sangat, betul! (*Ketawa*) Banyak orang sudah lepas tetapi ditangkap balik oleh kerana Menteri ini membuat begitu. Kes Tan Hong Seng yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di sini dan ada diconfirmkan oleh Mahkamah Agung di mana kesilapan adalah "two years from the date of such order", dengan izin. Was it two years from the date of such order? Bukan itu. Apa yang ada ialah Menteri tandatangani hari ini tetapi berkuatkuasa dua hari ke hadapan. Itu kesilapan siapa? Tan Hong Seng, bukan Tan Koon Piang (*Ketawa*), tidak tahu apa jadi, tidak ada dapat penasihat yang baik .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat teruskan sebab ada masa dua minit lagi untuk menggulung.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. Tuan Pengerusi, saya mahu dapat tahu semenjak tahun 1989 sampai 6hb Disember ini berapa orang dapat writ habeas corpus, berapa jumlahnya dan berapa yang ditangkap semula.

Tuan Pengerusi, saya mahu dapat tahu lagi adakah dalam kes Aaron Cohen sebatan ini dikekalkan dan dijalankan atau Kerajaan mampu untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk menghentikan hukuman sebatan kc alas Aaron Cohen ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Batang Lupar.

5.12 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, kita sudah dengar percakapan berapi-rapi tadi, jadi saya low tune sedikit.

Saya ingin merujuk kepada Maksud Bckalan 36, Polis DiRaja Malaysia di bawah Butiran 010000 Pengurusan.

Jabatan Polis DiRaja Malaysia adalah salah satu Jabatan penguatkuasaan di negara ini. Sebagaimana biasa sudah menjadi lumrah alam, orang yang membuat penguatkuasaan itu biasanya mendapat tuduhan yang bermacam-macam, sama ada salah ataupun betul. Jadi dengan itu sebagaimana juga kebiasaannya jikalau satu-satu Jabatan itu membuat pekerjaan dengan betul ramailah orang mengatakan perbuatannya itu tidak belul dan salah.

Jadi, itulah sebabnya menjadi lumrah alam Jabatan Polis telah menjadi satu cacian dan diperlagakan dan dikatakan sebagai satu Jabatan yang banyak mendatangkan masalah kepada sesiapa orang. Tetapi sebaliknya Jabatan Polis sebagai penguatkuasa adalah dalam

keadaan serba salah. Kalau tidak dijalankan undang-undang, orang boleh menjalankan kerjanya sesuka hati mereka, melanggar undang-undang, buat apa sahaja yang dia suka.

Tetapi kalau dijalankan undang-undang pula ada juga orang, bukan sahaja penjenayah sendiri tetapi orang yang ada terlibat dengan si penjenayah pun mengatakan tindakan itu tidak betul, tindakan ini tidak betul. Jadi dapatlah polis yang tak tidur siang dan malam menggadai nyawa dikatakan membuat salah pula. Sudahlah bekerja siang dan malam, sudahlah tak ada benda lain yang hendak dipertahankan, iaitu nyawa sendiri dipertaruhkan untuk menyelamatkan keselamatan negara, tetapi telunjuk kita masih mengatakan polis tidak buat dengan sebetulnya, termasuklah Menteri-menterinya sekali.

Bukanlah kita mengatakan pihak polis ini betul semuanya, ada juga yang salah kerana kita ini manusia biasa, bukan masyarakat malaikat. Selagi masyarakat manusia memang ada kesalahan di antara kita, walaupun di antara pegawai polis itu sendiri. Jadi itulah berlakunya kesalahan-kesalahan sebagaimana telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi dan kesalahan-kesalahan lain. Tetapi kita tetap menerima hakikatnya bahawa ini adalah masyarakat manusia. Pentadbiran adalah pentadbiran masyarakat manusia dan memang ada kesalahan sedikit sebanyak, tetapi janganlah lemparan dan imbasan menunjukkan badan penguatkuasa seperti polis ataupun mana-mana yang lain melakukan kesalahan sewenang-wenangnya. Sebaliknya pula, saya menyeru pihak polis supaya memperbaiki lagi kewibawaan dan kebaikan mereka supaya jangan mencemarkan nama kerana di sana sahajalah tempat orang mengadu dan tempat orang meminta pertolongan. Kalau pertolongan tidak disampaikan dengan begitu baik, kalau tempat pengaduan tidak diterima begitu baik, bolehlah kita mengatakan tindakan

sebahagian daripada pegawai-pegawai tertentu tidak mengikut landasan dan garis panduan yang telah diberi kepada pejabat yang berkenaan.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Biarlah saya berpindah kepada Buliran 020000 Logistik. Soal logistik ini tiap-tiap satu Jabatan ataupun perbadanan yang besar menerima pembangunan yang besar dan pesat memang mengalami masalah logistik. Saya bawa soal logistik ini kerana ada hubungkait dengan saya sendiri dalam masa dua tiga hari yang lepas. Saya telah meminta perlolongan dari pihak polis oleh kerana satu perkara berlaku di rumah saya, orang mengacau. Jadi mobile petrol car polis itu datang sejam selepas itu baru sampai. Saya tanya, kenapa pula lambat sampai? Kalau masa sejam ini orang datang hendak bunuh orang di rumah ini sudah mati. Dia kata, "Saya ini daripada Santubong, Tuan". Santubong dengan Kuching itu 20 batu, macam mana kereta polis daripada Santubong datang ke Kuching hendak tolong orang? Soalan saya, cukupkah kereta untuk digunakan sebagai mobile kereta di Kuching itu? Kalau tak cukup, tolonglah sebab Kuching itu sudah besar sangat. Bukan kucing binatang, tetapi bandar Kuching.

Oleh kerana masa tak banyak, saya berpindah kepada Butiran 040000 Risikan - Keselamatan. Risikan Keselamatan ini saya sengaja hendak cakap di sini oleh kerana di sinilah tempat nadinya keselamatan negara ini, di tangan polislah keselamatan negara ini. Dengan adanya kekuatan di tangan polis, maka negara ini mendapat kestabilan politik, kestabilan keselamatan dan kestabilan ekonominya. Di sinilah juga lelakunya segala-gala kebaikan di dalam negara ini. Jadi, di tangan polislah letaknya keselamatan. Tetapi risikan keselamatan adalah lebih jauh daripada apa yang kita pandang dari mata kasar kita. Bukan rusuhan di jalan

raya, bukan kemalangan di jalan raya, bukan pertempuran di hutan sahaja dikatakan keselamatan, tetapi yang dikatakan keselamatan itu adalah risikan dan maklumat-maklumat (information) yang kita terima di dalam ataupun di luar negeri.

Kalau kita pandang beberapa bulan yang lepas, bahkan beberapa tahun yang lepas, kita menerima tuduhan-tuduhan mengatakan negara jiran masuk ke kawasan negara kita, bom yang meletup dekat sempadan kita, helikopter yang jatuh dalam sempadan kita, orangnya masuk ke kawasan pergunungan kita, bekas-bekas bungkusan askar mereka dijumpai di pergunungan kita, Ini juga menunjukkan satu-satu perkara yang orang macam kita tak tahu, yang tahu ialah pihak polis. Kadang-kadang di negara jiran, sebagaimana yang kita tahu, ada juga negara jiran mengambil penasihat militarnya orang dari Israel umpamanya yang mempunyai satu konsep, satu filosofi dan satu strategi yang berlainan sedikit, strategi yang dikatakan pre-emptive strategy.

Kita boleh menggempur masuk ke negara jiran dan membunuh orang di sana sebelum orang itu melawan kita di seberang sana. Ini keselamatan dalam negeri. Jadi, soalan saya, sejauh manakah risikan keselamatan tahu dengan konsep philosophy dan strategi negara-negara jiran terutama sekali negara-negara jiran yang mengambil penasihat keselamatan ataupun strategi luar negeri terutama sekali penasihat-penasihat dari Israel yang mempunyai strategi yang begitu agresif.

Dari cerita yang begitu bombastic bunyinya, berbalik kita kepada perkara yang lain pula. Di muka 184, Butiran 00700 Pasukan Polis Hutan.

Memandangkan keadaan yang sekarang ini—emergency tidak ada lagi, komunis sudah menyerah diri maknanya perkhidmatan pihak Polis Hutan sudah diredakan penggunaannya. Tetapi kita mesti ingat komunis hanya meletak

senjata dan tidak menjalankan gerakan di hutan menggunakan senjata, itu sahaja, tetapi penyerahan ideologi mereka belum lagi ditariknya. Tidak ada mereka mengatakan mereka telah tidak lagi mempraktikkan ideologi komunis. Maknanya, kalau orang ini balik ke negeri Malaysia ini, mampulah mereka menjualkan ideologi komunis yang tidak laku dengan cara military, mungkin dijual dengan secara subtle, psikologi yang baik-baik ditunjukkan. Mungkin komunis tidak laku di Barat, tetapi masih lagi di Cambodia, di Thailand dan di Vietnam, ideologi Cina masih merebak. Janganlah dikatakan peperangan dingin telah hapus, regional dan internal conflict tidak berlaku,

Tetapi di dalam perbincangan saya dalam tajuk Pasukan Polis Hutan ini, ialah satu sahaja - sedikit. Itu tadi bunganya. Ramai Polis Hutan sekarang telah diserapkan ke dalam Polis biasa dalam bandar. Tetapi mereka ini sudah berpuluh tahun menjalankan tugas sebagai Pegawai Polis Hutan dan telah menjalankan pergerakan ala military, konsep military, filosofi military, pendapat dan pendirian military. Sejauh manakah Kementerian ataupun Jabatan Polis telah mengambil tindakan untuk memberi latihan yang begitu baik mengubahkan mereka ini yang sudah menerima latihan dan pendirian sebagai seorang military ini hendak dijadikan seorang Pegawai Polis di bandar, sebagaimana yang dikenalkan "GD Police", kata orang Polis.

Jadi, kalau latihan-latihan yang rapi, latihan-latihan yang baik terutamanya dari segi undang-undang, dari segi tindakan, tindak-tanduk sebagai Polis biasa belum diberi, saya sarankan di sini supaya tindakan itu diambil, kerana kita tidak mahu nama Polis akan tercemar dengan perkara yang sedikit ini kerana ada telunjuk-telunjuk lagi yang mengatakan oleh kerana sedikit sahaja orang yang nanti tidak buat baik mendatangkan keburukan nama Polis itu sendiri.

Jadi, itulah saranan saya supaya jangan pegawai-pegawai Polis yang dimasukkan daripada Polis Hutan kepada General Duty Police ini tidak menerima latihan-latihan yang tertentu dan pengajian-pengajian undang-undang yang tertentu untuk menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang tidak pernah dijalankan oleh mereka sendiri. Saya pernah bertugas dalam kedua-dua jawatan ini, itulah sebabnya saya tahu. Dalam Police Field Force kata "Shoot first, ask later", tetapi dalam GD "We question first, baru tembak". Jadi, konsep berlainan. Kalau konsep itu berlainan, penukaran daripada satu tempat ke satu tempat itu berlainan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana banyak yang hendak dicakapkan mengenai Polis ini, biarlah saya berhenti di sini dahulu; saya puji Polis, dan juga menegurnya. Dengan itu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Setar.

5.26 ptg.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berhubung dengan B.37, Butiran.010000.

Di bawah Jabatan ini kita sering terdengar rungutan berhubung dengan permit masuk (PR) ataupun permit kerja, visa dan lain-lain. Memang negara seperti kita ini banyak orang yang hendak datang, sebab politik kita stabil, keadaan di sana-sini aman, makmur dan makanan murah. Untuk pelancong, negara kita ini adalah satu negara yang cantik dan selamat; berjalan pada pukul berapa pun tidak dikacau oleh orang.

Tuan Pengerusi, dahulu yang dok komplek, rungut mengatakan kita ini tidak baik, pentadbiran kita tidak baik, ini cuma ada dikatakan oleh segolongan kecil sahaja, iaitu seperti yang kita dengar tadi, Yang Berhormat dari Pembangkang tadi yang mengutuk kita macam hendak telan Timbalan Menteri.

Pada saya, saya cuma hendak mencadangkan beberapa perkara di sini, iaitu tentang permit masuk dan permit kerja kepada buruh-buruh asing, sebab kita dapati sebagai negara yang aman, orang suka hendak datang ke negara kita. Jadi, ramai orang hendak datang untuk bekerja dan kita dapati bahawa dalam keadaan sekarang, ini kalau kita tidak benarkan pun, estet-estet atau ladang-ladang kita akan menghadapi kesusahan dan selepas itu di sudut pembangunan, kita akan menghadapi kekurangan pekerja.

Jadi, saya cuma hendak mencadangkan supaya apabila kita hendak memasukkan pekerja ini, kita mesti juga ingat dan perlu timbang bahawa pekerja kita dalam negara kita juga tidak menjadi mangsa apabila kita membawa masuk pendatang-pendatang ataupun buruh-buruh asing ini.

Saya dapati bahawa di setengah-setengah ladang, kalau ada pekerja-pekerja tempatan yang hendak memasuki untuk bekerja, mencari makan, sudah tidak ada peluang lagi, sebab terlalu banyak pekerja-pekerja yang datang dari negara-negara lain dan telah menjadi satu komplot atau satu geng yang dengan sendirinya menyebabkan pekerja-pekerja tempatan untuk tidak hendak duduk di dalam ladang-ladang ini.

Lagi satu perkara, saya rasa kita perlu menghadkan pekerja-pekerja yang datang daripada luar ini. Misalnya, kalau mereka ini hendak datang untuk bekerja di dalam sesuatu estet, mereka mestilah dikhaskan dalam estet itu supaya bila mereka mendapat permit bekerja di dalam estet itu, mereka tidak akan lari untuk bekerja di bahagian pembangunan lain ataupun berniaga, ataupun pergi bekerja di rumah-rumah sebagai maids kalau perempuan. Ini yang saya hendak Kementeeian yang berkenaan ataupun bahagian Imigresen, di bawah Butiran ini supaya mengkhususkan pekerja-pekerja kita yang datang dari luar ini

supaya kita tidak akan menghadapi satu masalah di masa hadapan di mana seseorang itu bila dia dapat permit bekerja di ladang, tiba-tiba dia akan pergi bekerja di bahagian pembangunan ataupun di restoran ataupun di rumah-rumah.

Ini kita mesti khususkan. Kalau tidak salah saya, dahulunya mereka ini mempunyai permit masuk di samping permit kerja, kad pengenalan merah atau red I/C. Dahulu, saya difahamkan bahawa mereka ini juga perlukan permit masuk untuk bekerja tetapi mengikut keadaan sekarang ini, kalau tidak salah saya, mereka yang mempunyai permit masuk sudah tidak lagi diperlukan permit kerja yakni red I/C holders dengan izin, boleh bekerja di mana-mana sahaja dan ini adalah satu perkara yang kita tidak akan dapat mengawal keadaan buruh di negara kita.

Jadi, saya harap pihak yang berkenaan, pihak Imigresen akan menentukan perkara ini supaya kita dapat mengawal, kita tahu berapa orang yang mempunyai permit masuk, berapa orang yang mempunyai permit kerja dan di mana mereka kerja supaya di samping kita mengawal mereka ini, kita juga dapat apabila sampai satu keadaan di mana masyarakat kita memerlukan pekerjaan yang kita berikan kepada buruh-buruh asing ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak menyentuh tentang Butiran 010000 dalam B.40 berhubung dengan Jabatan Penjara. Kita memang sering terdengar rungutan, barangkali Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan yang berucap atau barangkali mengkritik tentang penjara, tentang pelarian banduan.

Saya ingin bercakap dalam perkara ini iaitu memang dalam rancangan Kerajaan mengharap pegawai-pegawai penjara supaya cergas, berdisiplin, bertanggungjawab tetapi di samping kita meletakkan seorang

pegawai Polis untuk mengawal keadaan ini, masih juga berlaku orang lari daripada penjara. Ini tidak dapat dielakkan oleh sebab selagi ada hukuman seumur hayat, selagi ada hukuman seumur hidup, selagi ada remand cases 39(b), kalau kita buat macam mana pun, sebab banduan-banduan ini apabila mereka melangkah sahaja masuk ke dalam penjara, mereka akan melihat besi mana yang boleh digergaji, pintu mana yang boleh mereka lari, ini tidak dapat dielakkan. Oleh itu, saya minta Kementerian Dalam Negeri supaya penjara seumur hayat ini dapat dihapuskan.

Di samping itu, kita juga menjaga tentang kebajikan pegawai-pegawai penjara kita sebab selama ini, pihak Pembangkang selalu merungut tentang kebajikan banduan. Kita selalu beri banduan makan daging seminggu sekali - Yang Berhormat dari Kepong, dia hendak bangun itu dia akan complaint kepada kita. Jadi, banduan ini makan daging seminggu dua tiga kali, ayam seminggu tiga empat kali, bukan main kuat. Kuat lagi daripada pegawai penjara. Jadi, bila lari kita suruh pegawai penjara yang kebajikannya tidak begitu penting, dok ligan orang yang makan daging kambing, daging ayam seminggu dua tiga kali. Jadi, kita mesti beri prioriti itu kepada pegawai-pegawai penjara. Ini Kepong hendak bangun, buat apa. Bukan buat lagi penjara di Kepong. Jadi, kita mesti beri prioriti kepada .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak boleh sentuh sedikit, hendak bangun. Sekejap lagi saya beri, belum habis lagi.

Jadi, kita mesti beri prioriti kepada pegawai-pegawai penjara. Mereka patut diberi kursus yang lengkap, dengan

kelengkapan yang moden, yang canggih dan dengan Ketua Pengarahnya yang datang dari Polis, saya percaya Polis mempunyai cara training yang baik. Jadi, bawakan ini kepada penjara supaya pegawai-pegawai kita cekap, cergas, berdisiplin dan bertanggungjawab dan selepas kita memberi kebajikan kepada mereka barulah kita dapat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat tadi ada sebutkan Kepong juga. Jadi, memang nampaknya dia ada menyahut masyarakat penyayang. Kalau begitu, adakah beliau sanggup masuk ke penjara dahulu untuk menyaksikan dengan sendiri seperti pihak kami? Pihak kami sudah masuk. Adakah dia sanggup masuk untuk menyaksikan dengan sendiri dan itulah yang dimaksudkannya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, masuk untuk melawat penjara itu, biasalah. Saya dahulu pegawai di Kementerian Dalam Negeri, memang melawat penjara tetapi hendak masuk berehat macam Yang Berhormat Doktor di Kamunting itu, saya tidak hendak.

Jadi, Tuan Pengerusi, dengan kita menaikkan taraf pegawai-pegawai penjara dengan memberi prioriti kepada pegawai-pegawai, kita harap kita akan dapat memperbaiki keadaan dan kepada banduan itu, dari segi kemanusiaan kita kena lihat juga. Tetapi sekarang ini nampaknya ada sesetengah banduan itu, dia seronok duduk di dalam penjara, lebih baik, makan baik. Ada saya jumpa satu banduan di Pengkalan Chepa, di sini ada tulis "48". Maknanya 48 kali, umurnya 47 tahun. Jadi, maknanya dia

kalau hendak kira masuk setahun sekali, sebelum lahir pun dia sudah masuk tetapi dia kata bila dia duduk di luar, lebih baik dia duduk di dalam. Makan bukan main rehat, ada tilam kecil-kecil pula. Jadi, bila dia lebih sihat daripada pegawai-pegawai penjara, bila dia lari, kita juga susah.

Kita perlu mengambil perhatian di sini bahawa saya ingat saudara kita dari Kepong itu kalau dia biasa masuk di penjara Malaysia, memang baik. Cuba dia masuk penjara di sebelah Siam. Penjara di Siam itu berdiri tidak boleh, duduk pun tidak boleh, rendah sahaja dan dia kena duduk bertinggung. Jadi, kalau banduan di Siam, di sebelah Thai, bila dia masuk sekali, bertaubat tidak berani hendak masuk lagi. Dia takut sebab keadaan terlalu buruk. Kita tidak hendak buat macam itu. Kita hendak supaya dari segi humanitarian, dari segi kemanusiaan, tetapi janganlah prioriti itu diberi terlampau kepada banduan.

Jadi, saya harap perkara ini akan dapat diambil perhatian supaya pihak pegawai-pegawai penjara ataupun kelengkapan di penjara akan diperbaiki dan hukuman seumur hayat, seumur hidup dan kes-kes yang lama duduk di penjara ini dapat diperbaiki supaya mereka yang masuk, misalnya kalau hukuman seumur hayat, sudah tentulah dia mesti hendak lari. Ini kita tidak boleh buat macam mana. Ambillah pegawai yang cekap daripada Polis macam mana pun, mereka mesti lari. Kalau bubeh Yang Berhormat dari Kepong hukuman seumur hidup, dia pun fikir hendak lari. Tetapi dia ini kita tahulah, kalau dia lari senang sahaja, pegawai penjara tangkap kecil. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya hendak gulung, Tuan Pengerusi. Lagi satu perkara yang saya ingin timbulkan ialah berhubung dengan

apa yang kita dengar tadi dari Yang Berhormat dari Jelutong. Kita tahu bahawa di negara kita ini adalah satu tempat di mana pengedar-pengedar dadah ini cukup suka.

Cukup suka oleh sebab ada Yang Berhormat dari Jelutong itu. Dia kerja cari makan unluk defence orang-orang ini. Jadi, kalau pengedar-pengedar dadah itu rasa selamat, ada orang bela, bangun sampai ke dalam Dewan ini. Kalau ikut 30(5)(6),.....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Jelutong bangun. Yang Berhormat, tidak ada masa, habislah.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak ada masa untuk habis, saya hendak habis, Tuan Pengerusi. Biar dia maki saya di luar, tak apa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah. Tidak ada masa lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jadi,.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya mintalah. Saya minta Yang Berhormat yang selalu defend pesalah-pesalah ini mintalah .....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Jelutong bangun untuk minta jalan tetapi tidak ada masa dan Yang Berhormat diminta berhenti berucap.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak ada masanya. Jadi, saya berharap segala perkara-perkara ini yang saya minta.....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat,.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order, ya?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** 36(6)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia sudah habis berucap. Dia sudah *duduk*. (*Ketawa*) Masa terlalu suntuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kesalahan dia tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kesalahan dia sudah habis. Dia tak pandang saya, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia buat tuduhan dan sangkaan jahat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak apa lah, sudah selesai.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kesalahan itu mana boleh dilepaskan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, apa dia?

**Tuan R. Karpal Singh:** Suruh dia cakap baik-baik.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya benarkan seorang Ahli lagi untuk dibahas dan masa yang saya boleh berikan ialah 10 minit, kerana masa terlalu suntuk, kita boleh beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup masa untuk menjawab. Seorang lagi Ahli - Kamar.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kamar.

5.42 ptg.

**Tuan Wong Wing On (Kamar):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya sentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, saya mahu merujuk kepada Maksud Bekalan 37, Jabatan Imigresen, Butiran 020000.

Dua minggu yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa rakyat Malaysia yang telah menjadi warganegara Republik Rakyat China selepas merdeka tidak dibenarkan melawat Malaysia baik untuk tujuan pelancongan ataupun melawat sanak-saudara mereka di Malaysia, dan alasan yang diberi ialah bahawa mereka adalah pengkhianat atau traitor negara. Pemuda DAP tidak bersetuju dengan keputusan itu dan alasan yang diberikan. Kami berpendapat bahawa keputusan ini merupakan satu diskriminasi yang tidak rasional. Kami ingin tahu kenapa mereka yang boleh memilih warganegara Amerika Syarikat, Britain, Australia dan negara-negara lain juga selepas kemerdekaan tanahair kita, ia dianggap pengkhianat dan dilarang masuk Malaysia sebagai pelancong biasa. Kenapa hanya mereka yang menjadi

warganegara RRC sahaja yang didiskriminasikan? Mereka bukan ingin menjadi warganegara Malaysia semula. Mereka cuba ingin melawat Malaysia ataupun mengunjungi sanak-saudara mereka sahaja dan kebanyakan mereka adalah orang-orang tua dan wanita.

Keputusan ini bukan sahaja bersifat diskriminasi tetapi juga tidak ada keperimanusiaan, apatah lagi Republik Rakyat China sekarang bukanlah lagi negara musuh kita tetapi menjadi sebuah negara yang berkawan baik dengan Malaysia. Jika Malaysia sekarang boleh membenarkan rakyat kita melawat Afrika Selatan dan sebaliknya, saya tidak nampak terdapat apa sebab yang munasabah untuk melarang rakyat Malaysia yang sudah menjadi warganegara RRC melawat Malaysia sebagai pelancong biasa.

Tuan Pengerusi, sekarang saya pindah ke Maksud Bekalan 39, Jabatan Pendaftaran Negara, Butiran 030000 Kad Pengenalan. Proses pembaharuan Kad Pengenalan Baru telah dan sedang mengakibatkan banyak kesulitan kepada rakyat jelata, terutamanya mereka yang tua, buta-huruf atau separuh buta-huruf dan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan terletak di luar bandar dan pekan-pekan seperti kampung-kampung baru. Berbagai masalah-masalah ini adalah teknikal ataupun, dengan izin, mereka yang unique dalam setiap kes-kes yang tertentu akibat daripada kesilapan-kesilapan yang dibuat 30 atau 40 tahun yang lalu oleh ibu-bapa atau datuk-nenek pemohon-pemohon.

Masalah-masalah ini memang boleh diatasi jika pemohon-pemohon adalah orang-orang yang berpelajaran tetapi apa yang saya ingin timbulkan di Dewan yang mulia ini ialah kes-kes rakyat tua, buta-huruf atau separuh buta-huruf. Pejabat kawasan saya di Kamar telah menerima banyak aduan bahawa Pejabat Pendaftaran Kamar terdapat satu atau dua kakitangan yang bersikap sombong dan enggan menolong, memberi bantuan

atau memberi maklumat kepada orang-orang tua, buta-huruf atau separuh buta-huruf. Malahan pula, saya juga difahamkan ada kakitangan Pejabat Pendaftaran Kampar bukan sahaja tidak mahu menolong rakyat yang buta-huruf dan sebagainya untuk mengisikan borang permohonan tetapi juga memarahi mereka dengan sewenang-wenangnya. Sikap ini memang tidak secocok dengan matlamat membina sebuah masyarakat penyayang. Setakat ini, rakyat yang menjadi mangsa sikap sombong ini cuma bersabar sahaja.

Ada pula yang tidak dapat menamakan kakitangan yang yang sombong itu kerana kakitangan yang terlibat itu tidak memakai name tags, dengan izin, sepertimana yang ditetapkan oleh semua kakitangan Kerajaan. Setakat ini, saya ingin bercadang untuk menamakan mereka yang terlibat. Saya cuma harap mereka akan mengubah sikap mereka dan berkhidmat untuk rakyat dengan semangat yang secocok dengan konsep masyarakat penyayang. Saya juga berharap Kementerian dan Ketua Jabatan yang berkenaan mengambil perhatian tentang perkara ini bukan sahaja di kawasan saya tetapi di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, dalam akhbar *Sin Chew Jit Poh* hari ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri telah berkata bahawa Kementerian Dalam Negeri - saya petik dan terjemahkan:

"Telah mengarahkan kepada Ketua Jabatan Pendaftaran Negara untuk menyelaraskan dengan 12 pemimpin-pemimpin MCA di peringkat negeri untuk menolong atau memberi bantuan kepada rakyat jelata yang menghadapi masalah-masalah pembaharuan Kad Pengenalan.

**Saya memang berasa gembira kerana** terdengar ada banyak orang yang sudi dan rela menolong rakyat jelata

walaupun mereka adalah ahli-ahli ataupun pemimpin MCA.

Pada hakikatnya, walaupun DAP menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan, kakitangan dan jentera tetapi DAP dan wakil-wakil DAP tidak juga ketinggalan dalam usaha menolong rakyat, tetapi DAP bukan seperti MCA. Kami menolong rakyat dan memberi bantuan kepada rakyat tanpa mencanang-canangkannya untuk tujuan mengeksploitasikan masalah rakyat dan untuk mencari publisiti murah.

Sehubungan dengan ini, saya ingin membidas penyalahgunaan kuasa oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat dari Pontian. Sepertimana yang dijamin, apa yang dikatakan oleh beliau, arahan kepada Ketua Jabatan Pendaftaran Negara untuk menyelaraskan dengan MCA sahaja. Apa itu? Dengan MCA sahaja! Jabatan Pendaftaran Negara bukan harta MCA. Ketua Pendaftaran Negara bukan kakitangan MCA. Mereka adalah dipunyai oleh semua rakyat. Dan itulah satu tanda penyalahgunaan kuasa oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Ong Ka Ting:** (*Bangun*)

**Tuan Wong Wing On:** Masa suntuk, nanti. Ada peluang untuk menjawabnya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Wong Wing On:** Maka sepatutnya Jabatan Pendaftaran Negara bukan sahaja harus menyelaraskan dengan MCA dalam proses menolong rakyat untuk membaharui Kad Pengenalan tetapi juga dengan MCA, DAP, dengan Gerakan, dengan MIC, dengan PAS, dengan UMNO, dengan PBS dan sebagainya. Semua!

**Seorang Ahli:** Betul, betul!

**Tuan Wong Wing On:** Sehubungan dengan ini, saya ingin bercadang bahawa Jabatan Pendaftaran Negara mengadakan workshop bukan umuk MCA sahaja tetapi untuk semua kerani-kerani atau setiausaha-setiausaha, semua Wakil-wakil Rakyat. Semua yang ada di sini atau di Dewan-dewan Undangan Negeri baik pun dari Barisan Nasional ataupun parti-parti Pembangkang seperti DAP supaya kakitangan kita boleh membantu rakyat dalam menghadapi masalah-masalah pembaharuan Kad Pengenalan dengan lebih efektif.

Saya juga bercadang bahawa Jabatan Pendaftaran Negara membekalkan borang-borang pembaharuan Kad Pengenalan kepada semua pejabat-pejabat kawasan Wakil-wakil Rakyat. Dari pihak Kerajaan dan juga Pembangkang tanpa diskriminai politik supaya kita boleh bersama-sama berkhidmat untuk rakyat.

Akhirnya, saya sekali lagi memberi nasihat kepada MCA jangan menyalahgunakan kuasa untuk menjadikan Ketua Pejabat Pendaftaran Negara sebagai kakitangan MCA. Beliau adalah kakitangan Kerajaan untuk semua rakyat Malaysia.

**Tuan Ong Ka Ting:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti sekejap.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kampar itu memutar-belitkan semua fakta-fakta. Dia memang selalu begitu. Itu perangai DAP. (*Tepuk*) Apabila pihak MCA... ..

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Ong Ka Ting:** ..... nanti, duduk, duduk! Saya belum beri jalan. Duduk! Duduk! Saya bercakap dahulu. Apabila pihak MCA menganjurkan seminar untuk menolong orang awam, jadi mendapatkan kerjasama daripada

JPN untuk memperlicinkan proses itu, apa salahnya. Sekiranya DAP pun seperti Yang Berhormat kata tadi, dia kata dia tidak cukup sumber, dia tidak mampu hendak buat, dia mengalu-alukan usaha baik MCA. Jadi, apa sebab hendak bidas MCA. Ini adalah satu perkara yang baik untuk orang awam. (*Tepuk*) Jangan putarbelit, berhentilah, rakyat dan orang ramai sudah bosan dengan tektik ini. Saya menasihatkan kepada DAP. (*Tepuk*)

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya katakan saya memang bergembira jika ada lebih banyak intelektual, orang yang berpelajaran menolong rakyat jelata baikpun daripada MCA, MIC, Gerakan atau semua. Saya bergembira, saya kata syabas tetapi apa yang dikatakan di sini. Bukan MCA dapat kerjasama, Kementerian Dalam Negeri mengarahkan Ketua Jabatan Pendaftaran Negara untuk menyelaraskan 12 pemimpin MCA di peringkat negeri untuk menyelesaikan masalah rakyat. Itu bukan MCA.

**Tuan Ong Ka Ting:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Wong Wing On:** MCA punya fasal, dia gunakan nama Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay, beri penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, dia beri jalan kepada saya. Duduk dahulu!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta maaf. Masa sudah cukup - sepuluh minit telah diberi.

**Tuan Wong Wing On:** Itu publisiti murah. Saya beri jalan kepada Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Dia cuba putar-belit.

**Tuan Wong Wing On:** Mahu cabar!

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk! Duduk! Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kampar, meng-pakah.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat, minta maaf - semua duduk! Sudah habis masa. (*Ketawa*) Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat belum habis ucapan tetapi masa sudah cukup. Yang Berhormat, kita suntuk masa. Cukuplah Yang Berhormat.

5.54 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob);** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya minta .....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat, jangan cuba menyeleweng apa yang saya katakan. Saya katakan seorang Ahli penghabisan - Kampar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tidak boleh. Saya sudah beri

notis. Masa terlalu suntuk. Kita ketinggalan sehari.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Anggaran Belanjawan 1992 bagi Kementerian Dalam Negeri. Saya akan mencuba seberapa daya untuk menjawab segala saranan atau teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terutama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ya. Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Kampar yang sanggup menunggu dan mendengar jawapan saya. Bagi teguran-teguran dan saranan yang tidak dapat saya sentuh dalam jawapan saya ini, pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang serius dan akan mengambil tindakan-tindakan ke atas perkara-perkara tersebut.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan tentang perayaan Memali. Pihak Polis Baling, Kedah sedang menyasat tentang perkara ini dan pihak KDN belum menerima apa-apa laporan di atas siasatan ini. Hanya saya menerima laporan daripada Yang Berhormat Nilam Puri sebentar tadi. Bagaimanapun perkara ini akan diambil perhatian yang serius oleh pihak polis.

Tentang pertanyaan Yang Berhormat adakah Yang Berhormat boleh mengadakan satu perjumpaan besar-besaran tanpa permit Polis yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam - jawabnya tidak boleh.

Yang Berhormat dari Kok Lanas bercakap tentang Seksyen 27 Akta Polis - Seksyen untuk mengawal perhimpunan yang mana syarat-syaratnya terlalu keras kecuali yang bermaksud agama, yang lain mestilah mendapatkan permit Polis. Walaupun Seksyen 27 Akta Polis ini mempunyai syarat-syarat yang keras namun tolak-

ansur banyak diberikan oleh pihak Polis termasuklah perhimpunan-perhimpunan yang dipohon oleh parti-parti Pembangkang. Dalam melaksanakan Seksyen 27 Akta Polis ini, pihak Polis tidak memilih bulu termasuklah parti-parti politik dalam Krcrajaan.

Tentang Akta Dadah Merbahaya yang bersangkut-paut dengan ganja kononnya 200 gm, hukuman mati mandatori adalah tidak munasabah dan eloklah dinaikkan kepada 500 gm. Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian yang serius di atas perkara ini.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah bertanya tentang kekesanan pusat-pusat pemulihan kita. Ingin saya menyatakan daripada tiap-tiap 100 mereka yang masuk ke pusat pemulihan, 35 orang adalah pulih 100% manakala yang 65 orang menagih semula. Ini bukan masalah sistem, bukan masalah apa yang harus dilakukan di Pusat-pusat Serenti. Kita boleh menukarkan manusia menjadi robot, kita boleh menukarkan manusia daripada menagih kepada tidak menagih semasa di Pusat Serenti.

Yang menjadi masalah ialah apabila mereka keluar daripada Pusat Seremi. Kita jarang sekali melihat ibu bapa melawat anak-anaknya yang berada di Pusat Serenti. Kita jarang sekali melihat ibu bapa atau keluarga melawat anak-anaknya yang berada di Pusat Jagaan Lanjutan. Hidup mati anak-anak mereka atau keluarga mereka itu terpulang kepada Kerajaan. Mereka ini diasuh di Pusat Serenti dengan bermacam-macam harapan bahawa Tuhan masih sayang pada mu, masyarakat masih sayang pada mu, berhentilah menagih, kembalilah kepada masyarakat dan didendangkan dengan lagu-lagu yang begitu manis. Tetapi apabila mereka keluar, ibu bapa dan keluarga tidak peduli kepada mereka, adik-beradik menghina mereka dan masyarakat memandang mereka dengan hina. Akhirnya, siapa yang sanggup menerima mereka - kawan-kawan lama. Maka kembalilah mereka

menagih kecuali mereka yang mempunyai iman yang kuat. Kecuali mereka yang benar-benar sedar dan insaf akan perbuatan mereka. Inilah orang-orang yang 35%.

Jadi, tugas masyarakat sangat penting dalam menentukan penagih-penagih ini tidak kembali dengan memberi mereka harapan. Sepatutnya kalau anak kita berjuang di dalam hutan, bila kembali, kita sembelih kerbau. Apa salahnya kalau anak yang kembali daripada Pusat Pemulihan yang telah pulih, kita sembelihkan kambing - kesyukuran. Tetapi tidak dicaci dan dihina. Ini masalah yang dihadapi oleh penagih-penagih yang telah keluar dari Pusat-pusat Serenti. Jadi, siapa yang ingin kita salahkan, Kerajaan, sistem atau masyarakat? Elok kita tanya diri kita sendiri,

Selain daripada dua tahun di Pusat Serenti, mereka berada dua tahun di Pusat Jagaan Lanjutan. Semasa mereka berada di Pusat Jagaan Lanjutan sudah habis, mereka tidak mahu kembali ke rumah. Mereka takut untuk balik, kerana mereka tahu bila mereka balik, mereka akan menagih semula kerana ibu bapa, masyarakat tidak mahu menerima mereka. Yang mahu menerima mereka ialah kawan-kawan mereka di Pusat Jagaan Lanjutan. Terpaksalah saya membenarkan mereka ini tinggal lebih lama, cuci longkang, bela ayam, bela itik di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan ini walaupun masa mereka sepatutnya boleh dikembalikan. Inilah perasaan mereka takut untuk balik, takut untuk pulang kerana penerimaan masyarakat dan keluarga terhadap mereka. Jadi, haruslah kita tanyakan diri kita. Sudahkah kita berbakti kepada mereka yang telah insaf ini?

Tentang pendekatan secara kebatinan, saya mengambil perhatian yang serius tentang cara kebatinan ini dan dua pusat pemulihan secara kebatinan ini telah saya cuba iaitu satu di Kedah dan satu lagi di Terengganu.

Alhamdulillah, nampaknya secara kebatinan ini memberi kesan dan kalau kekesanan ini ketara, kita akan memperbanyakkan lagi pusat-pusat yang sedemikian.

Yang Berhormat dari Nilam Puri telah bercakap tentang kejayaan pihak Polis, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memuji dan mengucapkan tahniah kepada kecekapan pihak Polis Di Raja Malaysia dan saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas laporan Yang Berhormat berikan ke atas perayaan Memali baru-baru ini.

Tentang kes Mary Anne seperti mana Yang Berhormat tahu dan maklum Peguam Negara telah menerima laporan atas kes ini. Namun begitu, Peguam Negara merasakan ada beberapa perkara yang tidak lengkap dan meminta pihak Polis untuk mengemaskinikan laporan tersebut dan ini kita sama-sama dengar dalam wawancara pihak TV3 dengan Peguam Negara. Baru-baru ini Ketua Polis Negara telah menyuarakan perasaan bahawa beliau benar-benar memandang serius akan kes ini kerana ia melibatkan nama baik Pasukan Polis Di Raja Malaysia dan beliau sendiri akan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh supaya kes ini dapat diselesaikan dan dapat menjernihkan cerita-cerita yang keruh dan dapat menentukan bahawa siapa yang membuat salah di dakwa kelak walaupun pihak yang dituduh ataupun pihak yang menuduh. Jadi sama-samalah kita tunggu dan saya sendiri akan memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini tidak akan diketepikan begitu sahaja tetapi akan diambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat dari Jelutong, saya sentuh perkara yang kedua dahulu. Beliau telah membangkitkan perkara Tai Phoon Phang dan juga beberap kes yang lain tentang habeas corpus ini. Yang sebenarnya, Yang Berhormat, saya berterus terang hari ini. Hari inilah baru

saya tahu bahawa subject telah ditangkap sekali lagi setelah Yang Berhormat kemukakan di dalam Dewan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membongkar keadaan ini. Sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab atas perkara ini, saya pun tidak mahu melakukan satu dosa kepada orang yang tidak berdosa.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tiap-tiap order saya tandatangani. Bagaimanakah order yang tidak ditandatangani sampai ke tangan subject?

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ini saya hendak menyuarakan masalah saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kes ini bukan kena mengena dengan tandatangani perintah, bukan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya hendak bercakap macam mana habeas corpus ini boleh berlaku, itu sahaja. Yang Berhormat duduklah. Bila Yang Berhormat ceritakan perkara ini, saya buka mata bahawa ada sesuatu yang tidak kena, kerana saya menjalankan tugas saya, tiba-tiba saya dipersalahkan dalam Dewan ini. Dengan sebab itu, setelah Yang Berhormat bongkar perkara ini, saya dan pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan menyiasat perkara ini dengan teliti supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tentang Yang Berhormat minta berapakah bilangan habeas corpus, saya minta maaf, kerana bilangan itu saya tidak ada dan berapa yang telah ditangkap semula, saya dan pegawai-pegawai saya akan menulis secara hitam pulih kepada Yang Berhormat.

Perkara yang pertama yang telah Yang Berhormat bangkitkan ialah masalah ucapan saya tentang sebat. Yang

Berhormat dari Jelutong sebagai seorang peguam tahu Akta Dadah ini ada tiga:

- (a) Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) 1985;
- (b) Akta Dadah Merbahaya Pencegahan;
- (c) Akta Pemulihan dan Rawatan Dadah.

Saya bercakap sebagai Presiden PEMADAM di hadapan pelatih-pelatih di Pusat-Pusat Serenti yang dikenakan atas Akta Pemulihan dan Rawatan Dadah. Jadi contact of situation dalam kita mengkaji bahasa, Yang Berhormat kena tahu.....

**Tuan R. Karpal Singh:** (Bangun)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Duduk dahululah, bagi peluang kepada saya. Yang Berhormat telah bercakap dan saya hendak menjawab ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalankah?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tidak apa, saya beri jalanlah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa perbezaannya jikalau seorang penagih di bawah Akta A, Akta B atau Akta C. Jikalau penagih pesakit diterima sebagai pesakit, ini tidak kira sama ada dia didapati di bawah Akta A, B atau C. Dia pesakit dan haruslah diterima sebagai pesakit dan tidak boleh disebut seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat di Teluk Anson pada 1hb April tahun ini. Jangan asingkan A, B, C. Semuanya pesakit.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Orang sakit, kalau dia tidak buat salah, tidak apa. Tetapi kalau dia sakit, dia mencuri walaupun dia sakit, dia kena bawa ke Penjara. Dia kena denda atas mencuri. Kalau dia orang sakit tetapi dalam poket ada dadah, dadah itu

merbahaya—kena tangkap kerana dadah, bukan kerana sakit. Tetapi Akta Pemulihan dan Rawatan ini, dia ditangkap tetapi tidak ada dadah dalam dirinya, kita syak dia ini penagih. Satu gram pun tiada dadah pada dirinya, bukan satu gram, sebesar sebiji beras pun tidak ada dalam poketnya. Itulah bezanya. Kita tahu Yang Berhormat bersama-sama dalam Dewan ini meluluskan undang-undang.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Budak New Zealand ini dia didapati salah bukan di bawah 39B. 39A oleh kerana apa yang ada dalam tangannya pada masa itu untuk dirinya sendiri, Oleh itu dia penagih, Mahkamah Tinggi mendapati dia sebagai penagih, orang yang ada dalam Pusat Serenti pun penagih dan telah didapati oleh mahkamah sebagai penagih. Apa perbezaan? Sebat satu, jangan sebat lain walaupun kedua-dua mereka pesakit. Apa perbezaan ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Perbezaan: yang kes ini-saya lupa namanya - 37 gram. Seseorang penagih kalau dia ada menyimpan lebih daripada dua gram maknanya dia bukan penagih, dia pengedar, kerana dua gram boleh tahan dua minggu. Cuba bayangkan 37 gram, berapa minggu boleh tahan? Buat apa penagih simpan dadah sampai 17 minggu, buat apa? Saya hendak bertanya Yang Berhormat 37 gram, adakah penagih atau pengedar? Kalau local consumption is only two grams.

**Tuan R. Karpal Singh:** Di dapati oleh mahkamah sebagai penagih bukan pengedar dadah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tetapi 37 gram ini the pocket.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak kira itu. Apa yang dikira ialah apa yang diputuskan oleh mahkamah dan apa yang diputuskan ialah dia penagih dan bukan seorang pengedar dadah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Dalam undang-undang yang diluluskan dalam Parlimen ini, Yang Berhormat, sesiapa yang mempunyai lebih daripada dua gram, dia terpaksa menghadapi risiko seperti mana yang telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat pun sama-sama ada. Buat apa kita hendak argue?

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun dia penagih dan pesakit?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yes. Walaupun dia penagih tetapi kalau lebih daripada dua gram, dia ada seksyen yang tertentu, ada dua kali sebat, ada tiga kali sebat dan ada lima kali sebat. Yang Berhormat sebagai seorang lawyer, lupakah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan lupa. Bukan saya takut mahu duduk, saya mahu beri peluang, (*Ketawa*) Bukan itu, bukan lakut.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak mahu argue, Yang Berhormat. Yang Berhormat seorang lawyer kadang-kadang Yang Berhormat sem-bunyikan kuku kepada saya. Yang Berhormat tahu semua ini, tetapi kerana kepentingan diri Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada kepentingan diri dalam perkara ini. 35(6) - Pagi ini apabila saya membentangkan satu usul, saya telah memberitahu kepada Tuan Speaker...

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat, saya ingat saya telah beri banyak peluang, tolong duduk! Bagi peluang kepada saya pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Perkara ini, oleh kerana imej negara dalam kaca mata international .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta duduk! Dia tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia belum duduk? (*Ketawa*) Tadi mahu duduk, apa ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya kasihan kepada Yang Berhormat, itulah sebabnya. Yang Berhormat cakapkan fasal imej negara. Saya tidak sayangkan negarakah? Saya perintah sekarang, saya lebih sayang. (*Tepuk*) Masalahnya, contact of situation, Yang Berhormat tidak lihat saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada contact jikalau penagih pesakit tidak.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong .....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Macam mana semua orang mesti dengar cakap Yang Berhormat ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak boleh, oleh kerana logical.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tidak lojik, sebab tidak lojik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apabila Yang Berhormat memberi kenyataan itu di Teluk Anson, adakah perbezaan? Tidak ada perbezaan, bukan? Kenyataan itu adalah sebagai umum.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, minta duduk!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Itu Yang Berhormat kata umum. Saya kata tidak umum. Saya bercakap dengan penagih-penagih di Pusat Serenti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi ada dilapor dalam surat khabar. Jangan lari.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak lari.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan lari .....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak lari, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah, cukuplah iiu. Yang Berhormat Jelutong.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Kita boleh mari jawab. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, Yang terhormat ingatlah bahawa niat saya elok. Kerana ada orang memperkatakan kepada saya meng-apakah penagih-penagih di Pusat Serenti ini tidak disebat. Jawab saya, macam mana hendak sebat, dia orang sakit.

**Tuan R. Karpul Singh:** Orang ini pun sakit dan ada diterima oleh mahkamah sebagai seorang penagih dan pesakit. Apa itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat kata hendak sakit, sakitlah! (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah Jelutong.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, konteks itu.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Rayuan ada dalam tangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang, Tuan Pengerusi. Satu petition sudah dibuat, sekarang ada dalam tangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jangan memperkecil-kecilkan perkara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak mcmperkecilkan. Saya ialah berbincang dengan Attorney-General .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa Attorney-General.....

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Peguam Negara. Saya telah bercakap dengan Peguam Negara tentang hal ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat cukuplah. Jelutong, duduk.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tetap mempunyai pendirian saya. Kalau Yang Berhormat hendak buat pendirian Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Irnej negara terjejas akibat buat satu kenyataan umum dan sekarang tidak rnhu hormati kenyataan itu. Itulah kesalahan. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat dari Batang Lupar telah bercakap tentang logistik PDRM di Kuching, yang nampaknya terlalu daif. Dengan sebab itu pihak Kementerian dan pihak PDRM akan mengambil perhatian tentang apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tentang risikan keselamatan terutama kemasukan tentera-tentera jiran ke negara ini, sepertimana Yang Berhormat maklum bahawa sasaran tempat menembak atau juga sasaran tempat latihan negara jiran terlalu hampir sangat di Selat Teberau. Dengan sebab itu, tentu sekalilah menghadapi masalah-masalah seperti peluru dan sebagainya. Dan ada juga pihak-pihak yang menggunakan kawasan kita untuk latihan lenlera. Risikan PDRM memang mengetahui tentang hal ini dan risikan kita dianggap maju dan setanding dengan negara-negara yang maju. Namun begitu, kita akan mengambil perhatian tentang perkara-perkara kemasukan anasir-anasir jiran ke dalam negara kita ini.

Tentang ideologi komunis yang diperkatakan oleh Yang Berhormat juga, pasukan Polis berhati-hati dan tentang Polis Hutan yang akan diserapkan ke dalam bahagian-bahagian lain di PDRM mercka akan menerima latihan-latihan yang mencukupi sebelum mereka memasuki bidang-bidang lain.

Yang Berhormat dari Kota Setar pula telah membangkitkan tentang pekerja asing yang mendapat permit kerja. Oleh kerana perkara ini perkara baru, kita hendak menyelesaikan masalah yang timbul di mana terlalu ramai pendatang-pendatang tanpa izin yang datang tanpa dokumen ke negara ini, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia akan meneliti mereka ini agar di mana mereka diluluskan permit, di situlah mereka bekerja sehingga tamat tempoh mereka.

Tentang keselamatan di penjara, Jabatan Penjara akan meningkatkan lagi keselamatan bukan sahaja dari segi bangunan tetapi juga melatih pegawai-pegawai Penjara supaya lebih sensitif, peka dan waspada selalu terhadap keselamatan keseluruhannya.

Yang Berhormat dari Kampar telah mempertikaikan tentang.....

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayub:** Sila.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa seorang anak Marcos berada di Kuala Lumpur, di Apartment bernama "TWO-TWELVE", di Jalan Ampang iaitu Irene Marcos. Sama ada beliau ada permit bekerja di Malaysia ataupun dia diberi special visit pass. Ianya anak

bekas Presiden Marcos dari Filipina. Adakah Yang Berhormat sedar atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya tidak sedar adanya anak perempuan Marcos berada di sini. Mungkin Yang Berhormat sedar tetapi rakyat Filipina sebagai warganegara ASEAN mereka boleh datang ke sini tanpa Visa selama dua minggu. Kalau ada peluang tolonglah Yang Berhormat kenalkan saya. (*Ketawa*) Kerana wakil Nilam Puri pun teringin hendak kenal juga. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, ini tentang statement saya mengenai syarat-syarat rakyat Malaysia selepas merdeka pergi ke negeri China ini. Yang scbenarnya syarat ini dibuat dulu, cukup lama dulu setelah kita merdeka. Tetapi setelah kita berbaik-baik dengan negeri China, setelah keruntuhan ideologi komunis sedunia, maka kita longgarkanlah syarat-syarat rakyat negeri China melawat ke Malaysia, begitu juga rakyat Malaysia melawat ke negeri China.

Kita tahu pada masa dulu, komunis adalah musuh yang paling ketat sekali bagi negara kita. Di Amerika tidak ada komunis, di Sweden tidak ada dan di New York pun tidak ada. Itu sebab kalau rakyat keturunan China atau rakyat Malaysia yang lari pergi Amerika, pergi ke London, pergi ke Sweden jadi rakyat sana; kita tidak anggaplah mereka ini sebagai penderhaka atau sebagai orang yang bahaya. Tetapi bila jadi rakyat negeri China dan negeri China pada masa itu mengamalkan fahaman komunis, menyokong pergerakan komunis bersenjata dalam negara kita, membunuh anak-anak muda kita tentu sekali kita "tidak ada maaf bagi mu" Itu pada masa dulu, pada masa sekarang tidak ada apa dah. Ini masa dulu. Saya hendak cakapkan history.

**Tuan Wong Wing On:** Minta pcnjelasan. Hendak beri atau tidak?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sila.

**Tuan Wong Wing On:** Memang saya sedar ada masalah ini. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa orang-orang yang balik ke negeri China dan menjadi warganegara Republik Rakyat China bukan semua orang muda-muda, tetapi yang berumur 60an. Ada kebanyakannya atau majoriti merca adalah wanita-wanita tua yang bekerja di sini. Mereka tidak lahu apa itu ideologi atau tidak tahu politik langsung. Mereka cuma hendak balik ke China untuk tujuan tinggal di sana untuk satu "sentimental" sahaja. Sekarang ada Filipino maid, dulu ada China maid. Mereka itu tidak ada befikiran politik langsung.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bukan kita hendak tahu apa dalam otak orang ini, walaupun perempuan atau lelaki. Kalau tidak takkan Singapura dan Indonesia pun ikut. Takkan kita ini bodoh sangat sampai orang lain ikut. Bagaimanapun, kita telah longgarkan segala-galanya. Tetapi syarat ini belum lagi kita longgarkan. insya Allah kita akan pertimbangkan perkara ini.

Tentang hal kesusahan mengisi borang kad pengenalan, saya harap sangatlah Yang Berhormat—yang cerdik tolonglah yang bodoh, yang pandai menulis tolong yang tak pandai menulis. Dan parti DAP pun tolonglah mereka yang bodoh ini.

Saya menyeru orang-orang DAP untuk membantu orang-orang ini sepertimana Setiausaha Parlimen seru MCA tolong. Jangan dengar akhbar. Akhbar tidak boleh digunakan sebagai bukti dalam Parlimen. Kadang-kadang apa kita kata, lain dia orang buat. Jadi tak usahlah tunjuk akhbar dalam Parlimen, tidak laku. Jadi, kalau .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kepong hendak apa lagi? Cakap pun tidak, takkan hendak tanya! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bukan saya tidak mahu berucap, ramai orang hendak ucap tetapi tidak ada peluang. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tidak dengar satu perkataan pun daripada pihak Kementerian mengenai kenyataan akhbar dengan tajuk yang agak besar, yang menyatakan bahawa Setiausaha Parlimen itu mengarah pihak Pendaftar untuk bekerjasama, untuk menyelaras dengan pemimpin-pemimpin MCA walhal saya buat kerja itu hampir tiap-tiap hari. (*Tepuk*) Tidak arahkan Pendaftar berhubung dengan saya, menyelaras dengan saya. Apakah salahnya kalau mengarahkan untuk berjumpa dengan saya, walhal saya ada berkunjung ke Ibu Pejabat Pendaftar dan juga besok pagi saya akan pergi ke Pejabat Pendaflaran di Kuala Lumpur.

Jadi, nasihat itu adalah bagi Pengarah untuk berhubung dengan saya ataupun rakan-rakan saya. Apakah salahnya? Saya tidak nampak ada kenyataan yang menyangkal apa yang di sebutkan di dalam akbar. Ini seolah-olah mengakui kenyataan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Saya merasakan bahawa ini adalah salah anggapan. Saya tidak fikir Setiausaha Parlimen mengarahkan. Saya tidak pernah fikir. Saya sendiri sebagai Timbalan Menteri pun tidak berani hendak mengarahkan. Jadi, kemungkinan ada kesilapan daripada pihak akhbar. Tentang untuk menafikan betul atau tidak, hari ini baru kita tahu perkara ini, macam mana hendak menafikan. Jadi, saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri menafikan bahawa arahan itu tidak ada. Itu sahaja.

**Tuan Wong Wing On:** Minta penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Hendak jelaskan apa lagi?

**Tuan Wong Wing On:** Adakah Yang Berhormat tahu bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen suka cari publisiti murah di surat-surat khabar China? Seperti satu contoh-selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat suatu keputusan yang wajar untuk memulangkan pasport yang ditahan daripada orang-orang dari Taiwan yang tidak dapat menetap di Malaysia, dan keputusan Kerajaan itu saya alu-alukan dan saya berusaha juga untuk mendapatkan keputusan yang begini, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri ialah membawa pasport itu ke Wisma MCA (Pejabat MCA) untuk memberi kepada pemegang asalnya dan berkata inilah usaha MCA dan MCA ambil gambar besar-besar di suratkhabar Cina. Mengapa di Wisma MCA dan bukan di Kementeriannya? Dia mencari publisiti murah untuk MCA dan salah guna kuasa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
**Tuan Pengerusi,** kita akulah apa yang dikatakan oleh wakil dari Kampar. Kita ini orang polilik memang suka cari publisiti. Setiausaha Parlimen, itu cara dia cari publisiti. Yang Berhormat pun ada cara cari publisiti. Kalau Yang Berhormat berada di tempat Setiausaha Parlimen pun, mungkin lebih lagi daripada itu. (*Ketawa*)

**Tuan Wong Wing On:** Itulah caranya Setiausaha Parlimen dan MCA mencari publisiti murah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Jadi, saya ingat sudahlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Saya ingat, sudahlah. Murah atau mahal

ini terpulang kepada orang yang hendak membeli. (*Ketawa*) Itu sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Kepong hendak apa lagi? Sudah habis dah!

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta satu penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Hendak masuk lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Hendak masuk lagi? Memang. Apa yang hendak masuk?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Maluruddin):** Kepong, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini, masuk dan keluar. Minta penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah beliau sanggup menyiasat sama ada Setiausaha Parlimen itu bekerja dengan mengikut peraturan yang tertentu kerana banyak akhbar yang memerlukan KDN dan dengan itu Setiausaha Parlimen itu bekerja di situ dan dia boleh baca akhbar Cina dan mengarahkan Pengarah Pendaftar berhubung dengan MCA dan jika di lihat dari kenyataan atau berita seperti itu seolah-olah tidak wujud, tetapi bila dia tengok berita yang menunjukkan berita DAP, mungkin dia boleh menyalahgunakan kuasa untuk menelefon pihak akhbar supaya jangan ulangkan berita seperti itu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat siasatan yang lanjut untuk memastikan sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu bekerja dengan adil dan saksama sepertimana yang diharapkan oleh rakyat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat dari Kepong, saya cukup puas hati

tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh Setiausaha Parlimen, terutama di dalam Dewan ini membantu saya, Saya pun hairan macam mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak arahkan Ketua Pendatar dalam suratkhbar Cina kerana Ketua Pendatar tidak erti untuk baca Cina. (*Ketawa*) dan saya tidak baca pun berita itu dalam suratkhbar Inggeris atau suratkhbar Melayu.

**Tuan Wong Wing On:** Bacalah terjemahan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Itu terjemahan, buat apa. Tidak guna. Ketua Pendaftar tidak boleh baca dan Timbalan Pendaftar saya di sini pun dia tidak tahu baca Cina. Ini semua politiklah. Dengan itu, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun,

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta penjelasan, satu sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sudahlah. Kota Melaka ini kalau tidak usik saya satu hari tidak bolehkah? Okaylah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengakui bahawa dia telah membuat arahan kepada Ketua Pendaftar, sungguhpun tidak dalam bahasa Cina tetapi dalam bahasa Melayu dan kenyataan ini di keluarkan dalam suratkhbar Cina.

Kedua; adakah beliau sedar bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyalahgunakan kuasa dengan menjemput para wartawan dan editor, dengan izin, suratkhbar Cina untuk minum teh dengan seringkalinya, yum

cha seng, yum cha, dengan izin, terutama sekali untuk tujuan supaya tidak menyiarkan berita yang tidak baik kepada MCA.

Satu contoh yang hendak saya tunjukkan ialah apabila kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang tidak dibenarkan di siarkan dalam suratkhbar Cina, Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Persidangan Besar iaitu Mesyuarat Agung MCA di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa projek pusat Kebudayaan China anjuran MCA itu tidak diluluskan oleh beliau dan tidak dibenarkan oleh beliau. Ini adalah bercanggah dengan kenyataan yang dibuat lebih awal lagi oleh Presiden MCA bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan secara prinsipnya meluluskan projek ini. Tetapi apabila ini dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka kenyataan ini tidak dikeluarkan di dalam suratkhbar Cina., hanya keluar di suratkhbar Inggeris dan Bahasa Malaysia.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah itu.

**TuanLimGuanEng:** Itu dibuat atas alasan apa?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Cukuplah. Saya tidak sedar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu. Apa yang saya sedar sekarang Yang Berhormat telah menggunakan saya untuk politik Yang Berhormat dengan Setiausaha Parlimen. Saya tidak mahu campur dah. Saya tidak mahu campur, nampaknya saya telah dipergunakan. Jadi saya tidak mahu jadi bodoh. Hendak berkejahi, berkelahilah, saya tidak mahu masuk campur.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Mbd. Tajoli Roslibin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Pengerusi, sekali lagi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawan Yang Berhormat bangun (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat hendak keluar,

**Dato' Molid. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, sama ada beliau sedar bahawa DAP menuduh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri cuba mencari publisiti murah, tetapi sebenarnya mereka hari ini cuba mencari publisiti murah dengan menggunakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai tempat untuk menghentam Setiausaha Parlimen.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Pengerusi, memang saya sedar sangat. Inilah kerja DAP. DAP hendak menang dengan MCA gunakan orang-orang UMNO. Di dalam Dewan ini tidak apalah.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran masing-masing mengenai berbagai isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telahpun memberi penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa insya Allah ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$107,652,000 untuk Maksud B.35; \$1,396,623,800 untuk Maksud B.36; \$67,407,800 untuk Maksud B.37; \$3,333,100 untuk Maksud B.38; \$59,044,300 untuk Maksud B.39; \$126,796,000 untuk Maksud B.40; \$3,218,000 untuk Maksud B.41; dan \$36,178,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$107,652,000 untuk Maksud B.35; \$1,396,623,800 untuk Maksud B.36; \$67,407,800 untuk Maksud B.37; \$3,333,100 untuk Maksud B.38; \$59,044,300 untuk Maksud B.39; \$126,796,000 untuk Maksud B.40; \$3,218,000 untuk Maksud B.41; dan \$36,178,300 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$24,675,000 untuk Maksud P.35; \$430,494,500 untuk Maksud P.36; \$15,080,000 untuk Maksud P.37; \$500,000 untuk Maksud P.39 dan \$23,875,600 yang disebutkan dalam Maksud P.40 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$24,675,000 untuk Maksud P.35; \$430,494,500 untuk Maksud P.36; \$15,080,000 untuk Maksud P.37; \$500,000 untuk Maksud P.39 dan \$23,875,600 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin):** Kerana masa tidak mengizinkan, Kementerian yang lain akan menyusul esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juliar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*